Bab 2: Malaysia Menolak Ajaran Wahabi

1. Titah Sultan

A. Sultan Johor

Saya tidak bersetuju bagi membina Universiti Muhammadiyah di Pagoh pada masa akan datang kerana agama Islam adalah dibawah tanggungjawab negeri iaitu DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Johor.

Kedua, fahaman ini bercanggah dengan fatwa-fatwa negeri Johor Darul Ta'zim. Pastinya akan berlaku kekeliruan dan perbalahan di kalangan masyarakat sekaligus boleh menyebabkan perselisihan antara umat Islam di Johor.

DYAM Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor.[3]

[3] https://www.facebook.com/hrhcrownprinceofjohor/photos/saya-tidak-bersetuju-bagi-membina-universiti-muhammadiyah-di-pagoh-pada-masa-aka/2194664074184344/

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

harian

Lelaki 90 tahun rogol 4 kanak-kanak N21

JUMAAT | 02 JULAI 2010 | 19 REJAB 1431 | BIL: 1389 | PP11200/02/2011 (029127) | www.sinarharian.com.my RM1.00

Pegangan agama jadi sumber kekuatan: Sultan Johor

JOHOR BAHRU - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar semalam berti tah mahu rakyat peka terhadap ancaman yang boleh membawa kepada perpecahan dan per selisihan dalam kalangan um mah di negeri ini.

Baginda bertitah, fahaman ti dak mengamalkan qunut, talkin, wirid, berdoa bersama-sama se lepas solat berjemaah serta mem baca surah Yassin pada malam Jumaat, sering menimbulkan perpecahan dalam kalangan ma syarakat Islam.

"Pegangan agama adalah sum ber kekuatan untuk kita ber hadapan dengan apa jua suasana dan cabaran. Marilah kita ber sama-sama memperkukuhkan akidah dan amalan hidup kita, berpandukan ajaran agama," titah bagin da.

J2

Sultan Ibrahim berkenan memeriksa perbarisan anggota Pasukan Askar Timbalan Setia Negeri (TSN) sempena Majlis Perasmian Penggal Yang Ketiga Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-12 di Dewan Persidangan Kompleks Dewan Negeri Johor, Kota Iskandar, Nusajaya, semalam.

SUAMI KAKI

NUSAJAYA 1 Julai - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar menyeru umat Islam memperkukuhkan akidah dan amalan hidup berdasarkan pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah.

Sultan Ibrahim menegaskan, ini kerana pegangan berkenaan sumber kekuatan bagi umat Islam berhadapan apa juga suasana dan cabaran.

"Kita perlu peka terhadap ancaman yang boleh membawa kepada perpecahan dan perselisihan antara ummah di negeri Johor ini.

"Seperti fahaman tidak mengamalkan doa qunut, talkin, wirid dan berdoa bersama-sama selepas solat berjemaah serta membaca Yasin pada malam Jumaat, ternyata mampu menimbulkan perpecahan di kalangan masyarakat Islam," titahnya.

Baginda bertitah demikian ketika perasmian pembukaan penggal ketiga Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor Ke-12 di Bangunan Sultan Ismail, Kota Iskandar di sini hari ini.

Sultan Ibrahim berkata, usaha memperkukuh dan menjelaskan tentang fahaman yang boleh menjejaskan perpaduan ummah dari segi akidah, ibadah dan akhlak perlu dipergiatkan dari semasa ke semasa.

"Saya ingin mengingatkan semua pihak berkuasa terutama polis, Bahagian Keselamatan Negara, pejabat daerah, Imigresen dan agensi penguat kuasa supaya membendung penularan ajaran-ajaran yang bercanggah dengan fahaman Ahli Sunah Wal Jamaah," tegasnya.

B. Sultan Selangor



ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

Tarikh: // Mac 2016

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali
Dato' Menteri Besar Selangor
Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor
Tingkat 21, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40502 SHAH ALAM.

Y.A.B. Dato Seri Mohamed Azmin

Terlebih dahulu Beta mengucapkan selamat sejahtera kepada Dato' Seri dan berharap berada di dalam keadaan sihat walafiat.

Sukacita dimaklumkan bahawa Beta telah menerima surat pada hari Khamis, 10 Mac 2016, mengenai permohonan menghadap daripada Putera Dr. Bandar bin Salman bin Muhammad AlSaud, Mantan Penasihat kepada Almarhum Tuanku Raja Abdullah bin Abdul Aziz AlSaud dan juga Pengerusi Majlis Universiti Al-Madinah International University, yang kini berada di Malaysia mulai 9 hingga 12 Mac 2016. Walau bagaimanapun, Beta tidak dapat memenuhi hasrat beliau untuk menghadap kerana kesuntukan masa dan Beta telah mempunyai program yang penuh pada tarikh-tarikh tersebut.

Disini Beta berkenan menitahkan supaya Y.A.B. Dato' Seri dan Kerajaan Negeri Selangor membuat satu perjanjian dengan Al-Madinah International University untuk tidak mengajar ajaran Syiah dan fahaman Wahabi bagi mengelakkan rakyat Islam di Negeri Selangor terpengaruh. Rakyat Islam Negeri Selangor mengamalkan ajaran Ahlus Sunnah Wal Jamaah.

Sekiranya pihak Al-Madinah International University didapati melanggar perjanjian tersebut (mengajar ajaran Syiah dan fahaman Wahabi), maka Kerajaan Negeri Selangor berhak untuk menarik balik lesen dan tanah serta tidak dibenarkan Al-Madinah International University untuk meneruskan pengajaran.

Sekian.

D.Y.M.M. SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
SULTAN SELANGOR

sk. Y.B. Setiausaha Kerajaan Selangor

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

Y.A.D. Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor

2. Muzakarah Jawatankuasa Kebangsaan

ANCAMAN ALIRAN BUKAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH TERHADAP PERPADUAN UMAT ISLAM DI MALAYSIA

MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA KALI KE-106 YANG BERSIDANG PADA 21-22 OKTOBER 2014 TELAH MEMPERAKUKAN DAN MEMUTUSKAN BAHAWA DARI SEGI PERUNDANGAN AHLI SUNNAH WALJAMAAH ADALAH MAZHAB RASMI NEGARA MALAYSIA DAN ALIRAN SYIAH SERTA SALAFI WAHHABI PADA MASA KINI TIDAK SELARI DENGAN ARUS PERDANA AHLI SUNNAH WAL JAMAAH. KEDUA-DUA ALIRAN PEMIKIRAN INI BOLEH MENDATANGKAN PERBALAHAN DAN PERPECAHAN KEPADA MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA

3. Fatwa Negeri

A. Fatwa Negeri Kedah

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 59 **10hb November 2016** **No. 23**

No. 720.

ENAKMEN MUFTI DAN FATWA (KEDAH DARUL AMAN) 2008

MUFTI AND FATWA (KEDAH DARUL AMAN) ENACTMENT 2008

PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 21 DAN 24

NOTIFICATION OF FATWA UNDER SECTION 21 AND 24

FATWA MENGENAI PEMBID'AHAN KEPADA AMALAN-AMALAN AHLI SUNNAH WALJAMAAH DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 21(3) dan 24(4) Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008, Jawatankuasa Fatwa dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman dengan ini menyiarkan fatwa seperti dinyatakan dalam Jadual.

In exercise of powers conferred by subsection 21(3) and 24(4) of Mufti and Fatwa (Kedah Darul Aman) Enactment 2008, the Fatwa Committee of the State of Kedah Darul Aman and on the command of His Royal Highness the Sultan of Kedah Darul Aman hereby publishes the fatwa as set out in the Schedule.

JADUAL/*SCHEDULE*

BAHAWASANYA berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 20 Mac 2016, maka inilah diputuskan Fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut:

71

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

1. Adalah ditetapkan bahawa umat Islam di Negeri Kedah Darul Aman hendaklah mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah yang diamalkan sejak dahulu hingga sekarang berdasarkan perkara 33A Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah Tahun 1959 seperti berikut:

   (a) dari segi aqidah, berpandukan kepada manhaj Imam Abu al-Hassan al-Asya'ari dan Abu Mansur al-Maturidi;

   (b) dari segi syariat, berpandukan kepada mazhab Imam al-Syafie, manakala tiga mazhab muktabar iaitu Hanafi, Maliki dan Hanbali boleh dirujuk dan digunakan dalam menyelesaikan masalah-masalah tertentu; dan

   (c) dari segi tasawuf, hendaklah berpegang dengan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali, manakala aliran tasawwuf muktabar yang lain boleh diamalkan selagi ia tidak bertentangan dengan aliran Ahli Sunnah Waljamaah.

2. Aliran pemikiran dan fahaman yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah perlu dicegah dan dilarang keseluruhannya daripada berkembang di Negeri Kedah Darul Aman kerana ia boleh menimbulkan kecelaruan dan menjadi ancaman kepada keutuhan pegangan agama, perpaduan bangsa dan keamanan serta keselamatan negara.

3. Ciri-ciri amalan dan pegangan aliran pemikiran dan fahaman yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah adalah seperti berikut:

   A. Fahaman dari sudut Aqidah

      1. Al-Quran dan al-Sunnah hanya difahami berdasarkan makna zahir. Sebaliknya kefahaman teks secara kontekstual dan mengharuskan pentakwilan sebahagian nas berdasarkan kaedah-kaedah pentakwilan yang ketat tidak diterima. Oleh itu, ayat-ayat mutasyabihat difahami secara zahir nas tanpa huraian terperinci daripada ulama muktabar dan menolak takwil bab mutasyabihat.

      2. Membahagi tauhid kepada tiga bahagian iaitu:

         (a) tauhid Rububiyyah

            Dengan tauhid ini, mereka mendakwa kaum Musyrikin Mekah dan orang-orang kafir juga mempunyai tauhid.

         (b) tauhid Uluhiyyah

            Dengan tauhid ini, mereka menafikan tauhid umat Islam yang bertawassul, beristighathah dan bertabaruk sedangkan ketiga-tiga perkara tersebut diterima oleh Jumhur Ulama Islam khasnya ulama empat mazhab.

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

(c) tauhid al-Asma' wa al-Sifat

Tauhid versi ini boleh mendorong umat Islam ke lembah tasybih dan tajsim kepada Allah ﷻ seperti:

(i) menterjemahkan استوى sebagai bersemayam bersila, يد sebagai tangan, وجه sebagai muka, جنب sebagai lambung/rusuk, نزل sebagai turun dengan dzat, ساق sebagai betis dan أصابع sebagai jari-jari;

(ii) menisbahkan جهه (arah) kepada Allah ﷻ (arah atas – jihah 'ulya);

(iii) menyatakan bahawa Allah ﷻ mempunyai صورة atau rupa; dan

(iv) menambah (dengan dzat secara hakikat) di akhir setiap ayat-ayat mutasyabihat.

3. Menolak al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah yang merupakan pegangan majoriti ulama Islam dalam perkara aqidah bahkan sering mengkritik al-Asya'irah sehingga tahap mengkafirkan kumpulan tersebut.

4. Menyamakan al-Asya'irah dengan Mu'tazilah dan Jahmiyyah (الجهمية) atau Mu'aththilah (المعطلة) dalam perkara mutasyabihat.

5. Menolak dan menganggap pengajian Sifat Dua Puluh sebagai satu konsep yang bersumberkan falsafah Yunani dan Greek.

6. Berlindung di sebalik mazhab Salaf.

7. Mendakwa hanya mengikut al-Quran dan al-Hadis tetapi yang dirujuk hanya tokoh ulama seperti Ibnu Taimiyyah, Ibn a-Qayyim, al-Albani, Muhammad bin Abdul Wahhab Abdul Aziz bin Baz, Muhammad bin Soleh al-Uthaimin dan lain-lain serta menolak para ulama besar rujukan al-Asyairah dan al-Maturidiyyah, ulama muktabar mazhab Syafie dan tiga mazhab muktabar ahli sunnah yang lain.

B. Fahaman dari sudut Syariat

1. Membida'ah pelbagai amalan dan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah yang bersifat khilafiyyah sebagai bid'ah dhalalah antaranya:

(a) Amalan melibatkan kematian seperti:

(i) hadiah pahala bacaan al-Quran kepada si mati, bacaan al-Quran di atas kubur, talqin, tahlil, kenduri arwah dan lain-lain;

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

(ii) ziarah makam Rasulullah ﷺ berdasar fatwa Ibnu Taimiyyah yang bercanggah dengan Jumhur Ulama; dan

(iii) mempertikai amalan ziarah kubur para ulama dan solihin;

(b) Amalan melibatkan solat seperti:

(i) menyebut lafaz niat secara jahar (terang) contohnya menyebut lafaz (أصلي) ketika mendirikan solat;

(ii) bacaan Qunut dalam solat Subuh;

(iii) menyapu muka mengiringi salam; dan

(iv) zikir dan doa secara berjemaah serta nyaring selepas solat lima waktu;

(c) Amalan melibatkan hari raya Aidilfitri dan hari raya Aidiladha seperti:

(i) alunan dan lafaz/sighah takbir hari raya yang biasa diamalkan oleh kebanyakan umat Islam di negara ini tidak mengikut sunnah;

(ii) ziarah kubur pada dua hari raya; dan

(iii) menghidupkan malam raya;

(d) Amalan harian, mingguan dan tahunan seperti:

(i) bacaan Yasin pada malam Jumaat;

(ii) membaca al-Quran di air kemudian diminum oleh pesakit;

(iii) menyebut "Sayyidina" ketika berselawat;

(iv) solat qabliyyah Jumaat;

(v) majlis Zikir secara berjemaah; dan

(vi) solat Hajat berjemaah;

(e) Amalan melibatkan bulan Muharam seperti:

(i) membaca doa Akhir dan Awal Tahun Hijrah; dan

(ii) sambutan Awal Muharram (Ma'al Hijrah) dan jamuan bubur 'Asyura.

74

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

(f) Amalan melibatkan bulan Rabiul Awal seperti:

(i) majlis Perarakan Maulidul Rasul;

(ii) majlis Sambutan memperingati Maulidul Rasul;

(iii) mempertikai amalan berzanji, burdah dan marhaban; dan

(iv) selawat yang tidak "warid" (وارد) dalam majlis maulud;

(g) Amalan melibatkan bulan Rejab seperti:

(i) puasa dalam bulan Rejab;

(ii) kelebihan bulan Rejab;

(iii) doa minta diberkati pada bulan Rejab dan bulan Syaaban serta disampaikan ke bulan Ramadhan tidak warid (وارد) dan haram membaca doa tersebut;

(iv) sambutan peristiwa Isra' Mi'raj; dan

(v) peristiwa Israk Mikraj berlaku dengan ruh sahaja bukannya dengan jasad dan roh;

(h) Amalan melibatkan bulan Syaaban seperti:

(i) bacaan Yaasin tiga kali dan doa beramai-ramai pada malam Nisfu Syaaban;

(ii) sambutan Nisfu Sya'ban; dan

(iii) qiyamullail pada malam Nisfu Syaaban dan berpuasa sunat di siang harinya; dan

(i) Amalan melibatkan bulan Ramadhan seperti:

(i) penetapan waktu imsak ketika bersahur;

(ii) solat tarawih 20 rakaat adalah tidak mengikut sunnah;

(iii) bacaan selawat dan zikir di antara solat tarawih;

(iv) lafaz niat puasa " نويت صوم غد " ; dan

(vii) doa ifthar yang biasa diamalkan tidak mengikut sunnah.

75

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

C. Fahaman dari sudut Tasawuf

1. Menganggap amalan dan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah seperti توسل, تبرك, استغاثة sebagai bida'ah.

2. Menolak selawat-selawat yang disusun oleh para ulama besar seperti selawat Syifa', selawat Tafrijiyyah dan lain-lain dan mendakwa amalan tersebut adalah syirik.

3. Menolak perkataan "Madad Ya Rasulullah".

4. Menolak ilmu tasawwuf dan tariqat Sufi.

5. Mengingkari zikir dengan menyebut nama Allah (الله) sahaja.

6. Mempertikai konsep "wahdatul wujud" serta memberi tafsiran yang bercanggah dengan Jumhur Ulama.

7. Mempertikai amalan mencium tangan para ulama.

8. Mempertikaikan amalan membaca hizib dan wirid yang disusun oleh para ulama muktabar.

4. Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah

(a) Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman mengambil keputusan bahawa:

(i) mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang mempertikaikan amalan dan aqidah Ahli Sunnah Waljamaah aliran al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah adalah dicegah dan dilarang;

(ii) mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang menjadi penyebar aliran dan fahaman yang berlawanan dengan Ahli Sunnah Waljamaah aliran al-'Asya'irah dan al-Maturidiyyah adalah dicegah dan dilarang;

(iii) mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan yang menjadi ahli jamaah atau pengikut aliran dan dakyah yang bercanggah dengan Mazhab Syafie dan Ahli Sunnah Waljamaah aliran al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah dengan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian, dan sebagainya yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan aliran dan dakyah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang berlawanan dengan aqidah Ahli Sunnah Waljamaah aliran al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah;

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

(iv) mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan yang cuba menyebarkan aliran selain daripada Ahli Sunnah Waljamaah sama ada melalui apa-apa rangkaian, atau mana-mana pertubuhan atau persatuan yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan aliran dan dakyah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Waljamaah aliran al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah;

(v) apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana aliran dan dakyah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur aliran dan dakyah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah adalah berlawanan dengan aqidah Ahli Sunnah Waljamaah aliran al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah; atau

(vi) apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan aliran dan dakyah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur aliran dan dakyah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan adalah dicegah dan dilarang.

(b) Mana-mana orang Islam yang melakukan perkara-perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Negeri Kedah Darul Aman.

Bertarikh
Dated
[PSU(K) 703-1409; JMNK(F) 603 Jld. 2(48)]

DATO' PADUKA SYEIKH MUHAMAD BADERUDIN BIN HAJI AHMAD
Mufti
Kedah

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 721.

LANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 12

APPOINTMENT UNDER SECTION 12

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Kanun Tanah Negara, maka inilah Pihak Berkuasa Negeri bagi Negeri Kedah Darul Aman melantik pegawai dalam Jadual yang tersebut di bawah ini kepada jawatan yang bertentangan dengan namanya bagi maksud Kanun yang tersebut di dalam dan bagi Negeri Kedah Darul Aman dari tarikh yang dinyatakan di sebelahnya:

77

B. Fatwa Negeri Pulau Pinang

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 48 **15 Januari 2004** **No.2**

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG 1993

ADMINISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS ENACTMENT OF THE STATE OF PENANG 1993

No.50

FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 36

FATWA UNDER SUBSECTION 36

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

In exercise of the powers conferred by subsection 36(1) and (2) of the Administration of Islamic Religious A-ffairs Enactment of the State of Penang 1993, the Mufti of the State of Penang makes the *fatwa* as specified in the Schedule.

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

ahawa buku-buku tulisan Encik Rasul Dahri adalah diharamkan di Negeri Pulau Pinang bagaimana pengharamannya di peringkat kebangsaan.

uku-buku tersebut ialah:

(i) Tajuk : Bahaya Taqlid Buta Dan Ta'sub Mazhab
Penulis : Rasul Dahri
Penerbit : Perniagaan Jahabersa, Taman Kempas, Johor Baharu

(ii) Tajuk : Imam Syafie (Rahimahullah) Mengharamkan Kenduri Arwah Tahlilan, Yasinan Dan Selamatan
Penulis : Rasul Dahri
Penerbit : Perniagaan Jahabersa, Taman Kempas, Johor Baharu

(iii) Tajuk : Amalan-amalan Bida'ah Pada Bulan Sya'ban
Penulis : Rasul Dahri
Penerbit : Perniagaan Jahabersa, Taman Kempas, Johor Baharu

(iv) Tajuk : Hukum Mengenai Rokok Dan Mencukur Janggut
Penulis : Rasul Dahri
Penerbit : Perniagaan Jahabersa, Taman Kempas, Johor Baharu

(v) Tajuk : Bahaya Tariqat Sufi/Tasawuf Terhadap Masyarakat
Penulis : Rasul Dahri
Penerbit : Perniagaan Jahabersa, Taman Kempas, Johor Baharu

(vi) Tajuk : Setiap Bida'ah Menyesatkan
Penulis : Rasul Dahri
Penerbit : Perniagaan Jahabersa, Taman Kempas, Johor Baharu

(vii) Tajuk : Persoalan Bida'ah Dan Percanggahannya
Penulis : Rasul Dahri
Penerbit : Perniagaan Jahabersa, Taman Kempas, Johor Baharu

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

3. Pengharaman buku-buku ini adalah kerana didapati boleh:
   (i) Bercanggah dengan Garis Panduan Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam.
      a) (i) Mempropagandakan akidah, hukum dan ajaran yang bercanggah dengan Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah.
         (ii) Menyebarkan kenyataan yang menggemparkan fikiran orang ramai dan menimbulkan keraguan dan kegelisahan kepada masyarakat awam.

4. Oleh itu, mana-mana orang Islam yang mengajar, mengamal dan menyebar kandungan buku tersebut adalah dilarang sama sekali.

5. Pengharaman ini juga meliputi untuk menerbitkan apa-apa bentuk, versi atau variasi atau apa-apa terjemahan dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau apa-apa media atau apa-apa kaedah yang boleh membawa kepada penyebaran dan isi kandungan buku-buku tersebut.

NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64 No.20	**24hb September 2020**	*TAMBAHAN* *No. 2*

No. 734.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA BAGI MENGHALANG PEMBID'AHAN DAN PENGHINAAN KEPADA AMALAN-AMALAN AHLI SUNNAH WAL JEMAAH

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2017 dan Bil.5/2018 telah membincangkan mengenai Fatwa Bagi Menghalang Pembid'ahan Dan Penghinaan Kepada Amalan-Amalan Ahli Sunnah Wal Jemaah. Fatwanya adalah seperti berikut:

1. Amalan-amalan Ahli Sunnah Wal Jemaah yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi termasuk di dalam perkara khilafiyyah di sisi ulama dan fuqaha adalah harus diamalkan.

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

Amalan-amalan tersebut ialah:

a) membaca Talqin;

b) membaca Al-Quran di atas kubur;

c) Majlis Tahlil;

d) Kenduri Arwah;

e) amalan menghadiahkan kepada si mati melalui bacaan Al-Quran, jamuan makan dan sebagainya;

f) Qunut Subuh;

g) Bacaan doa dan diaminkan oleh para jemaah secara beramai-ramai sama ada selepas solat atau di lain-lain waktu dan upacara;

h) *Tawassul*;

i) berzikir secara beramai-ramai;

j) membaca surah Yasin pada malam Jumaat atau pada mana-mana majlis upacara sambutan hari-hari kebesaran Islam seperti Sambutan Maal Hijrah, Sambutan Maulid ar-Rasul, Doa Awal dan Akhir Tahun Hijrah, dan Sambutan Isra' Mikraj;

k) Sembahyang Tarawih 20 rakaat;

l) Sembahyang Hajat secara berjemaah;

m) menyapu muka selepas memberi salam;

n) Azan dua kali pada hari Jumaat;

o) melafazkan niat dalam ibadah; dan

p) membaca surah Yasin 3 kali pada malam Nisfu Syaaban.

2. Amalan-amalan dalam perenggan (1) boleh menyuburkan rasa cinta kepada Allah SWT, Rasulullah SAW, al-Quran, al-Sunnah dan memberi kebaikan serta perpaduan di dalam masyarakat.

3. Oleh itu, mana-mana orang Islam atau kumpulan adalah dilarang –

a) membid'ah;

b) menghina;

c) mempersendakan, mengajuk-ajuk atau mencemuh sama ada dengan perkataan, perbuatan, penulisan atau apa-apa tindakan yang membawa maksud yang seumpama dengannya; atau

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

d) memberikan, mengembangkan atau menyebarkan apa-apa pendapat yang bertentangan dengan amalan-amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang tersebut di atas.

4. Mana-mana orang Islam yang melakukan apa-apa perbuatan dalam perenggan (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di negeri Pulau Pinang.

Dibuat 11 Disember 2019.
[JMNPP/(S)/1101/002 Klt.2 (13); PUNPP 325/100/1/2/EA/1 Jld.6]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
Mufti
Kerajaan Negeri Pulau Pinang

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

C. Fatwa Neger Perak

No. 365.

FATWA MENGENAI PENCEGAHAN MENYEBARKAN ALIRAN DAN DAKYAH WAHABIAH DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini:

DAN BAHAWASANYA menurut seksyen 37 Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan tentang fatwa ini:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan menyiarkan fatwa yang berikut:

"Aliran dan Dakyah Wahabiah didapati bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi teras pegangan masyarakat Islam di Perak berdasarkan kepercayaan, perbuatan dan pengamalan seperti berikut:

(i) Menolak dan menyesatkan Pengamal pendekatan Tauhid sifat 20;

(ii) Menganggap syirik berbagai amalan ahli sunnah seperti Selawat Syifa' dan Selawat Tafrijiyyah;

(iii) Mendakwa bahawa pengikut Aliran Asya'irah dan Maturidiyah tidak layak digelar sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah; dan

(iv) Menggangap pelaku berbagai amalan ahli sunnah sebagai melakukan bida'ah dhalalah dan akan menjadi penghuni neraka.

Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak mengambil keputusan bahawa;

(i) Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang menjadi penyebar Aliran dan Dakyah Wahabiah adalah disifatkan mengamalkan Aliran dan Dakyah Wahabiah yang berlawanan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Aliran Asya'irah dan Maturidiyah;

(ii) Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan yang menjadi Ahli Jamaah atau pengikut Aliran dan Dakyah Wahabiah dengan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian, dan sebagainya yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan Aliran dan Dakyah Wahabiah, adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang berlawanan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Aliran Asya'irah dan Maturidiyah;

(iii) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan yang cuba menyebarkan Aliran dan Dakyah Wahabiah sama ada melalui apa-apa rangkaian, atau mana-mana pertubuhan atau persatuan yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan Aliran dan Dakyah Wahabiah adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Aliran Asya'irah dan Maturidiyah;

(iv) apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana Aliran dan Dakyah Wahabiah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baru yang mempunyai persamaan dengan undur-unsur Aliran dan Dakyah Wahabiah adalah berlawanan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Aliran Asya'irah dan Maturidiyah; atau

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

(v) apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan aliran dan dakyah Wahabiah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur Aliran dan Dakyah Wahabiah dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan adalah dilarang.

(vi) Apa jua bentuk tindakan seperti yang dinyatakan di atas perlu dihalang dan diambil tindakan menurut undang-undang.

Bertarikh 4 Januari 2012
[MNPK.A351.IST/01/7 JLD2;
PU.Pk. 07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

TAN SRI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA
Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Negeri Perak Darul Ridzuan

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

D. Fatwa Negeri Selangor

NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 67 No.16	**31hb Julai 2014**	*TAMBAHAN No.14* *PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 27.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SESKYEN 47

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseskyen 48(6) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

FATWA UNDER SECTION 47

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the F*atwa* Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the F*atwa* as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

FATWA MENANGANI PERSOALAN BID'AH DALAM MASALAH IKHTILAF/KHILAF PERKARA FURU'

1. Persoalan khilafiah adalah perkara *ijtihatiyyah* dan tidak boleh sama sekali dihukumkan *bid'ah* kerana amalan tersebut telah diterima dan menjadi amalan ulama' muktabar sejak dahulu.
2. Pandangan jumhur ulama' sewajarnya menjadi ikutan masyarakat Islam dengan mengutamakan perkara asas dalam berdakwah dan tidak membesar-besarkan perkara *khilafiyyah* yang boleh mengugat perpaduan umat Islam.
3. Di antara amalan yang di dakwa sebagai *bid'ah* adalah -
   - 3.1 Membaca Yaasin pada malam Jumaat
   - 3.2 Membaca *tahlil* dan talqin untuk si mati
   - 3.3 Mengadakan kenduri arwah
   - 3.4 Menyambut Maulid Al-Rasul pada 12 Rabiul Awwal setiap tahun
   - 3.5 Membaca Yaasin 3 kali di malam nisfu Syaaban
   - 3.6 Berdoa beramai-ramai selepas solat berjamaah
   - 3.7 Membaca wirid dan zikir secara kuat/nyaring beramai-ramai selepas solat fardu
   - 3.8 Membaca '*Basmalah*' secara kuat/nyaring dalam solat fardu
   - 3.9 Menyebut lafaz '*Usalli*' dalam niat solat
   - 3.10 Membaca qunut dalam solat Subuh
   - 3.11 Bersalaman selepas solat berjamaah
   - 3.12 Solat sunat sebelum solat Maghrib
   - 3.13 Solat sunat sebelum Jumaat
   - 3.14 Fidyah solat
   - 3.15 Terbatal '*wudu*' dengan sebab bersentuhan lelaki dengan perempuan yang harus dikahwini
   - 3.16 Bilangan rakaat bagi solat sunat tarawih sama ada 20 atau 8 rakaat
   - 3.17 Menyapu muka selepas memberi salam
   - 3.18 Akikah dengan kambing sahaja
   - 3.19 Konsep pengamalan Hadith Dhaif

Bertarikh 17 Julai 2014

Dated 17 July 2014
[MAIS/SU/BUU/01- 2/002/2012 - 5(1);
P.U. Sel. (ADV) PS 05/4/12]

Dengan Titah Perintah/ *By Command*

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
Chairman of the Fatwa Committee of Selangor

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

E. Fatwa Negeri Sembilan

Tajuk: Aliran dan Dakyah Wahhabiah

Kategori: Akidah

Status Pewartaan: Diwartakan

Tahun: 2015

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan telah membincangkan fatwa berkaitan Aliran dan Dakyah Wahhabiah pada mesyuaratnya bertarikh 17 Disember 2014, 25 Februari 2015 dan 24 Mac 2015. Mesyuarat telah memutuskan Aliran dan dakyah Wahhabiah didapati bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah wa al-Jamaah yang menjadi teras pegangan masyarakat Islam di Negeri Sembilan. Percanggahan tersebut berdasarkan kepercayaan, perbuatan dan pengamalan aliran Wahhabiah seperti berikut :

1. Menolak dan menyesatkan pengamal pendekatan Tauhid Sifat 20;
2. Menganggap syirik amalan-amalan ahli sunnah seperti perbuatan tawassul, tabarruk dan istighathah dan selawat-selawat yang mengandungi pujian kepada Rasulullah seperti Selawat Syifa' dan Selawat Tafrijiyyah;
3. Mendakwa bahawa pengikut aliran Asya'irah dan Maturidiyah tidak termasuk dalam golongan Ahli Sunnah wa al-Jamaah;
4. Membid'ahkan pelbagai amalan ahli sunnah yang bersifat khilafiah sebagai melakukan bid'ah dhalalah dan pengamalnya akan menjadi penghuni neraka;
5. Menganggap amalan dan sambutan-sambutan yang dilakukan bertujuan memuliakan Rasulullah saw sebagai perbuatan syirik;
6. Menolak sepenuhnya beramal dengan hadith dhaif;
7. Memahami al-Quran dan al-Sunnah secara makna zahir semata-mata dan menolak pentakwilan dalam memahami teks al-Quran;
8. Menolak fahaman bermazhab;
9. Menolak kefahaman dan amalan tariqat tasawuf yang muktabar;
10. Mempertikaikan ulama Nusantara yang muktabar serta kitab-kitab karya mereka;
11. Mempertikaikan fatwa-fatwa atau keputusan pihak berkuasa agama;
12. Berpegang dengan kefahaman tasybih dan tajsim berdasarkan zahir ayat dan hadith yang mutasyabihat; dan
13. Mudah mengkafirkan, membid'ahkan dan memfasikkan golongan yang tidak sealiran dengan mereka;

Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan mengambil keputusan bahawa;

1. Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan yang menjadi penyebar aliran dan dakyah Wahhabiah adalah disifatkan berfahaman Wahhabiah yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah wa al- Jamaah;
2. Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan yang menjadi ahli jamaah atau pengikut aliran dan dakyah Wahhabiah dengan berselindung di sebalik apa-apa nama, aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian, dan sebagainya yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan aliran dan dakyah Wahhabiah, adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah wa al-Jamaah;

3. Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan yang cuba menyebarkan aliran dan dakyah Wahhabiah, sama ada melalui apa-apa rangkaian, atau mana-mana pertubuhan atau persatuan yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan aliran dan dakyah Wahhabiah adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah wa al-Jamaah;
4. Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana aliran dan dakyah Wahhabiah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur aliran dan dakyah Wahhabiah adalah bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah wa al-Jamaah; atau
5. Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan tokoh, aliran dan dakyah Wahhabiah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur aliran dan dakyah Wahhabiah dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan adalah dilarang.
6. Apa jua bentuk tindakan seperti yang dinyatakan di atas perlu dihalang dan diambil tindakan menurut undang-undang.

Mesyuarat bersetuju untuk mewartakan fatwa ini. Orang ramai hendaklah membuat aduan kepada pihak berkuasa agama yang berhampiran sekiranya terdapat sebarang keraguan seperti mana dinyatakan.

Status Pewartaan : Proses Warta

Tajuk: Persoalan Bid'ah Dalam Masalah Ikhtilaf/Khilaf Perkara Furuk

Kategori: Akidah

Status Pewartaan: Diwartakan

Tahun: 2016

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 5/2016-1437H yang bersidang pada 31 Mei 2016 bersamaan 24 Syaaban1437H telah bersetuju memutuskan Sighah Fatwa Bagi Persoalan Bid'ah Dalam Masalah Ikhtilaf/Khilaf Perkara Furuk seperti berikut:

1. Persoalan khilafiyah adalah perkara *ijtihadiyah* dan tidak boleh sama sekali dihukumkan bid'ah kerana amalan tersebut telah diterima dan menjadi amalan ulama muktabar sejak dahulu.

2. Pandangan jumhur ulama sewajarnya menjadi ikutan masyarakat Islam dengan mengutamakan perkara asas dalam berdakwah dan tidak membesar-besarkan perkara *khilafiyah* yang boleh menggugat perpaduan umat Islam.

3. Antara amalan yang didakwa sebagai bid'ah adalah-

i. Konsep penggunaan dan pengamalan Hadis Dhaif

ii. Membaca Yasin pada malam Juma'aT

iii. Membaca *tahlil* dan talqin untuk si mati

iv. Mengadakan kenduri arwah

v. Menyambut hari-hari kebesaran Islam seperti Maulid al-Rasul, Israk Mikraj dan Ma'al Hijrah pada setiap tahun

vi. Membaca Yaasin 3 kali pada malam nisfu Sya'ban

vii. Berdo'a beramai-ramai selepas solat berjema'ah

viii. Membaca wirid dan zikir secara kuat/nyaring beramai – ramai selepas solat fardhu

ix. Membaca "*Basmalah*" secara kuat / nyaring dalam solat fardhu

x. Menyebut lafaz "*Usalli*" dalam niat solat

xi. Membaca qunut dalam solat subuh

xii. Bersalaman selepas solat berjema'ah

xiii. Solat sunat qabliah Maghrib.

xiv. Solat sunat qabliah Juma'at

xv. Fidyah solat

xvi. Terbatal wuduk dengan sebab bersentuhan kulit lelaki dengan perempuan yang harus dikahwini.

xvii. Bilangan raka'at bagi solat sunat tarawih selain 8 raka'at

xviii. Menyapu muka selepas salam

xix. Aqiqah dengan binatang *al-an'am* selain kambing

xx. Amalam *bertawassul* dan *bertabarruk*

xxi. Berdo'a dan membaca al-Quran di kubur

xxii. Do'a akhir tahun dan awal tahun

4. Mana-mana orang atau kumpulan adalah dilarang:

i. Membid'ahkan mana-mana orang yang mengamalkan perkara i hingga xxii.

ii. Menegah pengamalan dan pengajaran perkara i hingga xxii.

iii. Menyiar, menyebar dan menghebahkan atau mendedahkan dengan apa-apa cara pun bahawa perkara i hingga xxii adalah bid'ah.

5. Mana-mana orang Islam adalah dilarang menjadi anggota, pemimpin atau penyokong mana-mana orang atau kumpulan orang yang dilarang di dalam perkara 4.

6. Mana-mana orang Islam yang melakukan perkara-perkara 4.i, 4.ii, 4.iii dan 5 di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di Negeri Sembilan

Status pewartaan : Proses Pewartaan

F. Fatwa Negeri Johor

NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil .61 **2hb Februari 2017** **No. 3**

No. 414.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003
PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48(6)

FAHAMAN WAHHABI

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 *[Enakmen 16 Tahun 2003]*, Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan di bawah dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

1. Adalah ditetapkan bahawa umat Islam di Negeri Johor Darul Takzim hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, dari segi akidah berpandukan kepada mazhab Imam Abu Hasan Al-Ashari dan Abu Mansur Al-Maturidi, syariat berpandukan kepada mazhab Imam Syafie. Walaubagaimanapun tiga mazhab yang muktabar iaitu Al-Hanafi, Al-Maliki, Al-Hanbali boleh dirujuk dan digunakan dalam menyelesaikan masalah-masalah tertentu dan dari segi tasawuf hendaklah berpegang dengan Imam Junaid Al-Baghdadi dan Imam Al-Ghazali. Walaubagaimanapun mazhab tasawuf muktabar yang lain boleh diamalkan selagi ianya tidak bertentangan dengan mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah.

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

2. Bahawa fahaman atau ajaran Wahhabi adalah bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi teras pegangan dan amalan masyarakat Islam di Negeri Johor Darul Ta'zim.

3. Fahaman atau ajaran Wahhabi perlu dicegah keseluruhannya dari berkembang di Negeri Johor Darul Ta'zim kerana ia boleh menimbulkan kecelaruan dan menjadi ancaman kepada keutuhan pegangan agama, perpaduan ummah, perpaduan bangsa dan keamanan serta keselamatan negara.

4. Ciri-ciri fahaman atau ajaran Wahhabi adalah seperti berikut:

(1) Fahaman dari sudut akidah antarannya:

(a) Membahagikan Tauhid kepada 3 bahagian iaitu:

i. Tauhid Rububiyyah - dengan tauhid ini, mereka mengatakan bahawa orang kafir juga mempunyai tauhid.

ii. Tauhid Uluhiyyah - dengan tauhid ini, mereka menafikan tauhid umat Islam yang *bertawasul, beristighasah dan bertabarruk* sedangkan ketiga-tiga perkara tersebut diterima oleh majoriti ulama Islam khasnya ulama empat mazhab.

iii. Tauhid Asma' dan As Sifat - kefahaman mereka terhadap tauhid ini dengan mengisbatkan sifat-sifat Allah dalam ayat-ayat *mutasyabihat* boleh membawa kepada fahaman *Tajsim dan Tasybih*.

(b) Menyatakan bahawa Abu Jahal dan Abu Lahab mempunyai pegangan tauhid yang lebih betul dan lebih murni keyakinan mereka daripada umat Islam yang bertawasul dengan para aulia' dan solihin.

(c) Menolak Al-Asya'irah dan Al-Maturidiyah yang merupakan pegangan majoriti ulama' Islam dalam perkara akidah.

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

(d) Menolak dan menganggap pengajian sifat 20 sebagai satu konsep yang bersumberkan falsafah Yunani dan Greek.

(e) Menganggap syirik amalan-amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti tawasul, tabarruk, istighasah dan selawat-selawat yang mengandungi pujian kepada Rasulullah S.A.W seperti selawat Syifa' dan Tafrijiah.

(f) Memahami ayat-ayat mutasyabihah secara zahir nas ayat tanpa huraian terperinci daripada ulama' muktabar dan menolak takwil dalam bab mutasyabihat.

(g) Mudah dan sering mendakwa bahawa ramai umat Islam membuat amalan syirik.

(2) Fahaman dari sudut bidaah. Mereka yang berpegang dengan fahaman Wahhabi ini mudah untuk membidaahkan pelbagai amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bersifat khilafiah sebagai melakukan bidaah dholalah. Di antara amalan yang didakwa sebagai bidaah dholalah ialah:

(a) Membaca talqin.

(b) Membaca tahlil untuk si mati yang dikenali sebagai "kenduri arwah".

(c) Membaca surah Yasin pada malam jumaat.

(d) Membaca Qunut pada solat subuh.

(e) Amalan menghadiahkan pahala kepada si mati melalui bacaan Al-Quran, jamuan makan dan sebagainya.

(f) Menyambut sambutan Maulidur Rasul S.A.W.

(g) Membaca surah Yasin sebanyak 3 kali pada malam Nisfu Syaaban.

(h) Membaca Al-Quran di atas kubur.

(i) Solat tarawih sebanyak 20 rakaat.

(j) Membaca wirid dan zikir secara beramai-ramai selepas solat fardu.

(k) Berdoa beramai-ramai selepas solat berjemaah.

(l) Menyapu muka selepas memberi salam kedua.

(m) Dua kali azan pada solat jumaat.

(n) Menyebut lafaz "usolli" ketika niat solat.

(o) Membaca bismillah secara kuat, nyaring dalam solat fardu.

(p) Solat sunnat Qobliah sebelum solat Jumaat.

(q) Solat hajat secara berjemaah.

(r) Bersalaman selepas solat berjemaah.

(s) Solat sunnat Qobliah sebelum solat fardu Maghrib.

(3) Sikap dan sifat yang melampau (ekstrem) Wahhabi, antaranya:

(a) Menolak beramal dengan hadis dhaif.

(b) Sering menganggap hadis dhaif sebagai hadis maudu'.

(c) Memaksa orang lain mengikut pendapat mereka.

(d) Sering memperlekeh dan merendah-rendah martabat para ulama'.

(e) Menolak fahaman bermazhab kepada imam-imam yang empat. Pada hakikatnya mereka membawa fahaman "tanpa mazhab".

(f) Sering mendakwa orang yang bermazhab sebagai taksub mazhab.

(g) Menghilangkan kesan-kesan sejarah para anbiya', ulama dan solihin dengan dakwaan menghindari syirik.

(h) Sering mengungkit persoalan khilafiah.

(i) Menganggap apa yang mereka amalkan adalah sunah dan amalan orang lain adalah bidaah dholalah.

(j) Melakukan perubahan kepada kitab-kitab turath yang tidak sehaluan dengan mereka.

5. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, mengambil keputusan bahawa fahaman atau ajaran Wahhabi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4 adalah dilarang. Larangan ini meliputi :

i. Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan adalah dilarang berpegang atau menjadi pengikut ajaran Wahhabi dan sesiapa yang melakukannya adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah.

ii. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang mengajar, menganjur, belajar, mengadakan, membantu menjayakan apa-apa majlis yang boleh dikaitkan dengan fahaman Wahhabi adalah melakukan kesalahan.

iii. Apa-apa jua bahan hiburan dan sebaran yang menonjolkan ajaran, pegangan atau fahaman Wahhabi dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan atau siaran dalam mana-mana laman sesawang, blog, facebook, twitter atau media sosial lain adalah ditegah.

iv. Mana-mana orang Islam dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedar filem, rakaman audio atau visual, risalah, buku-buku, majalah atau apa-apa dokumen yang boleh mengaitkan ajaran dan fahaman Wahabi.

v. Mana-mana orang Islam adalah dilarang dan ditegah daripada memberi apa jua kemudahan, sumbangan dan bantuan kepada golongan Wahabi ini daripada mengamal, menyebar dan mengembangkan fahaman dan ajaran Wahabi di Negeri Johor.

6. Mana-mana orang Islam samada secara individu atau berkumpulan yang melakukan perkara-perkara dalam perenggan 5 adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan dibawah undang-undang yang berkuat kuasa di Negeri Johor.

Bertarikh 24 Muharram 1438 / 25 Oktober 2016
[JMJ.351/04/01/6/39; PUNJ.PP950-6/WR/010]

Dengan Titah,

DATO' HAJI M. TAHRIR BIN DATO' HAJI SAMSUDIN
Mufti Negeri Johor

CIK SHUBANAH BINTI YUSUF
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor

G. Fatwa Negeri Pahang

Soalan:

Saya ingin bertanya juga mengenai fatwa Wahabi, adakah apabila warta menyatakan ajaran Wahabi berlainan dengan Ashairah membawa maksud ia sesat?

Jawapan:

Ajaran Wahabi menurut keputusan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang pada 19 Februari 2014 Kali Ke 1/2014 adalah **melarang** mana-mana orang Islam menyebar dan menyimpan bahan bacaan Ajaran As-Salafiah @ Al- Wahabiyah dan seumpamanya. Ia berasaskan beberapa perkara :

1. Ajaran As Salafiah @ Wahabiyah adalah ajaran yang **berlainan** dengan apa yang dipegang oleh umat Islam di Malaysia yang berlandaskan mazhab Asyirah dan Maturidiah di dalam akidah dan mazhab Syafie di dalam bab Fekah.
2. Ajaran As Salafiah @ Wahabiyah kebiasaanya **menganggap apa yang diamalkan oleh umat Islam di Malaysia sejak sekian lama adalah sebagai bidaah.** Sedangkan amalan-amalan seperti tahlil, bacaan Yasin malam Jumaat, bacaan Qunut dan sebagainya itu hanyalah khilafiyah di kalangan ulama Islam.
3. Adalah terbukti di sesetengah tempat kewujudan ajaran As-Salafiah @ Wahabiyah ini **membawa kepada perpecahan di kalangan umat Islam** di Malaysia. Oleh itu, ajaran ini adalah di larang diajar dan diamalkan di Negeri Pahang khususnya.

Namun begitu ajaran ini boleh juga membawa kepada kesesatan, sekiranya mereka ekstrim. Ini berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang yang telah bersidang pada 26 November 2024, sebahagiannya adalah seperti berikut :

*" Aliran dan dakyah Salafiah Wahhabiah didapati **sesat dan bercanggah dengan pegangan dan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah** yang menjadi teras pegangan umat Islam di Negeri Pahang dan menyebabkan implikasi yang negatif terhadap umat Islam.*
*Percanggahan tersebut kerana **sikap ekstrim mereka pada isu-isu akidah, fiqh, tasawuf dan manhaj** seperti berikut:*

i. *Kefahaman konsep bidaah yang sempit dan berbeza dengan majoriti ulama' sehingga mudah membidaahkan dan menyesatkan umat Islam yang tidak sealiran dengan mereka;*

ii. *Membidaahkan amalan-amalan sunat dan khilafiyyah khususnya yang telah menjadi amalan umat Islam tempatan seperti amalan tahlil, amalan talqin selepas pengebumian, bacaan Yasin malam Jumaat, bacaan Qunut Subuh, hadiah pahala buat si mati, pembacaan Al-Quran di sisi kubur, zikir berjemaah, sambutan Maulid Nabi, qiyam malam Nisfu Sya'ban, doa akhir dan awal tahun, tambahan lafaz Saidina, dan sebagainya;*

iii. *Membawa pendekatan Tauhid yang berbilang-bilang atau Tauhid Tiga Serangkai atau Tri-Tauhid yang tidak pernah dikenali oleh ulama' Ahli Sunnah Wal Jamaah daripada kalangan generasi Salaf mahupun generasi Khalaf;*

iv. *Boleh membawa sikap mengkafirkan (takfiri) umat Islam berdasarkan pendekatan Tauhid Tiga Serangkai atau Tri-Tauhid mereka yang cenderung kepada dakwaan kufur dan syirik terhadap umat Islam yang*

melakukan Takwil, Tawassul, Tabarruk (mengambil berkat), Istighathah, dan ziarah kubur;

v. *Mendakwa bahawa ulama' dan umat Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah Al-Asha'irah dan Al-Maturidiyah tidak termasuk dalam golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah khususnya berkaitan dengan keimanan kepada zat dan sifat Allah SWT;*

vi. *Membuat tuduhan sesat ke atas ramai tokoh ulama' Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti Imam Al-Ghazali, Imam Al-Nawawi, Imam Ibnu Hajar al-'Asqalani, Imam Al-Sanusi, Imam Zakariyya Al-Ansari, Imam Shihabuddin al-Ramli, Imam Ibnu Hajar al-Haytami al-Makki, dan lain-lain.*

vii. *Berpegang dengan makna zahir ayat dan hadis mutashabihat yang boleh membawa kepada fahaman Tashbih dan Tajsim berkenaan zat dan sifat Allah SWT;"*

viii. *Boleh membawa kepada ideologi mengkafirkan umat Islam (Takfiri) yang menjadi teras bagi gerakan-gerakan Salafi Jihadi seperti ISIS (DAESH), JI (Jemaah Islamiah) dan lain-lain yang terlibat dengan aktiviti terorisme dan keganasan. Hakikat ini telah dinyatakan oleh pihak berkuasa dan penyelidikan-penyelidikan di pelbagai negara.*

Oleh itu, jabatan ini berpandangan, ajaran **Wahabi ini membawa kepada kesesatan, sekiranya mereka bersikap ekstrim** seperti yang dinyatakan didalam keputusan fatwa diatas.

Rujukan

1. Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang, *"Tegahan Dan Larangan Menyebarkan Ajaran Salafiah @ Wahabiah Dan Seumpamanya Di Negeri Pahang"* pada 19 Februari 2014 Kali Ke 1/2014.Sila rujuk fatwa berkenaan pautan https://mufti.pahang.gov.my/fatwa/2014/tegahan-dan-larangan-menyebarkan-ajaran-salafiah-wahabiah-dan-seumpamanya-di-negeri-pahang

2. Keputusan Fatwa Mesyuarat Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang, *"Larangan Ajaran Dan Dakyah Gerakan Salafiyah Wahhabiyyah Negeri Pahang"*yang bersidang pada 26 November 2024.

JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG

e-FATWA

Utama > e-FATWA > 2014 > ANCAMAN ALIRAN BUKAN AHLI SUNNAH WAL-JAMAAH TERHADAP PERPADUAN UMAT ISLAM DI MALAYSIA

ANCAMAN ALIRAN BUKAN AHLI SUNNAH WAL-JAMAAH TERHADAP PERPADUAN UMAT ISLAM DI MALAYSIA

Oleh :
Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang Kali Ke-4/2014, pada 14 November 2014

Keputusan :
Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunnah Wal-Jamaah Terhadap Perpaduan Malaysia adalah seperti berikut :

1. Mesyuarat bersetuju memutuskan umat Islam di Pahang hanya dibenarkan mengikuti dan beramal dengan akidah berdasarkan pegangan As-Syairiyah Wal-Maturidiyyah dan feqah berdasarkan Mazhab Syafie.
2. Amalan dan pegangan kepada fahaman Tauhid Rububiyah dan Al-Wahiyyah serta Asmaul Husna adalah tidak sesuai diamalkan di Negeri Pahang kerana ianya bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah berdasarkan pegangan As-Syairah Wal- Maturidiyyah.

Dasar Privasi Dasar Keselamatan Penafian Arkib Maklum Balas Portal

© 2025 Hakcipta Terpelihara Jabatan Mufti Negeri Pahang.
Laman ini sesuai dipapar menggunakan pelayar web Microsoft Edge & Google Chrome versi terkini.

Kemaskini Terakhir : 07 March 2025. Jumlah Pelawat : 660,379

e-FATWA

TEGAHAN DAN LARANGAN MENYEBARKAN AJARAN SALAFIAH @ WAHABIAH DAN SEUMPAMANYA DI NEGERI PAHANG

Oleh :
Mesyuarat Khas Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang pada 19 Februari 2014

Keputusan :
Mesyuarat bersetuju memutuskan dilarang mana-mana orang Islam menyebar dan menyimpan bahan bacaan Ajaran As-Salafiah @ Al- Wahabiyah dan seumpamanya

Tindakan secara penguatkuasaan undang-undang boleh dilaksanakan kepada sesiapa yang melanggar larangan tersebut mengikut kesalahan yang terkandung di dalam Enakmen Jenayah Syariah 2013

Sesiapa yang mempunyai tauliah dan melanggar larangan tersebut boleh diambil tindakan undang-undang dan ditarik tauliah atau kebenaran mengajar yang telah di berikan

Keterangan/ Hujah :

i.Ajaran As Salafiah @ Wahabiyah adalah ajaran yang berlainan dengan apa yang dipegang oleh umat Islam di Malaysia yang berlandaskan mazhab Asyirah dan Maturidiah di dalam akidah dan mazhab Syafie di dalam bab Fekah.

ii.Ajaran As Salafiah @ Wahabiyah kebiasaanya menganggap apa yang diamalkan oleh umat Islam di Malaysia sejak sekian lama adalah sebagai bidaah. Sedangkan amalan-amalan seperti tahlil, bacaan Yasin malam Jumaat, bacaan Qunut dan sebagainya itu hanyalah khilafiyah di kalangan ulama Islam.

iii.Adalah terbukti di sesetengah tempat kewujudan ajaran As-Salafiah @ Wahabiyah ini membawa kepada perpecahan di kalangan umat Islam di Malaysia. Oleh itu, ajaran ini adalah di larang diajar dan diamalkan di Negeri Pahang khususnya.

Dasar Privasi Dasar Keselamatan Penafian Arkib Maklum Balas Portal

© 2025 Hakcipta Terpelihara Jabatan Mufti Negeri Pahang.
Laman ini sesuai dipapar menggunakan pelayar web Microsoft Edge & Google Chrome versi terkini.

Kemaskini Terakhir : 07 Mac 2025. Jumlah Pelawat : 660,377

H. Fatwa Negeri Terengganu

NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 76 No. 46	**16hb November 2023**	*TAMBAHAN* *No. 1*

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
(TERENGGANU) 1422H/2001M

No. 2024.

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 50

MENURUT seksyen 50 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M [*En. Tr. 2/2001*], Jawatankuasa Fatwa, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menurut seksyen 49 Enakmen, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual.

JADUAL

FATWA BERKENAAN DENGAN AJARAN

MHD MOHIB KHOULI NAZEM

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu Kali ke-15 yang bersidang pada 13 Safar 1445H bersamaan dengan 30 Ogos 2023M telah berbincang perkara berkenaan dengan ajaran Mhd Mohib Khouli Nazem. Fatwanya adalah seperti yang berikut:

1. Ajaran Mhd Mohib Khouli Nazem adalah sesat lagi menyesatkan dan bercanggah dengan tonggak akidah Islam yang diyakini oleh ulama' al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah. Ciri-ciri penyelewengan ajaran Mhd Mohib Khouli Nazem termasuklah—

   (a) mendakwa bahawa Allah S.W.T Maha Berkuasa terhadap segala sesuatu dan oleh sebab itu, jika Allah S.W.T menghendaki mengadakan anak untuk diriNya, Dia Maha Berkuasa menciptanya. Dakwaan ini merosakkan pegangan akidah masyarakat Islam kerana memahami bahawa Allah S.W.T harus mempunyai anak, sedangkan jelas Allah S.W.T mustahil mempunyai anak;

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

(b) mendakwa bahawa Allah S.W.T Maha Berkuasa terhadap segala sesuatu dan oleh sebab itu, jika Allah S.W.T menghendaki duduk atas belakang sayap nyamuk, Dia Maha Berkuasa melakukannya. Dakwaan ini merosakkan pegangan akidah masyarakat Islam kerana memahami seolah-olah Allah S.W.T mempunyai sifat dan jisim yang sama seperti makhluk;

(c) mendakwa bahawa pentakwilan ayat-ayat sifat Allah S.W.T yang diterima pakai oleh aliran ulama' al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah seperti *Istiwa', Wajh, Yad* dan seumpamanya adalah sesat sama kedudukannya seperti ajaran kumpulan Mu'tazilah dan Jahmiyyah yang sesat;

(d) mendakwa bahawa golongan al-Asya'irah adalah sama dengan golongan Yahudi, Jahmiyyah, Mu'tazilah, Musyrikin dan penyembah lembu;

(e) mendakwa bahawa akidah para ulama al-Asya'irah seperti Imam al-Ghazali, Imam al-Nawawi, Imam Fakhruddin al-Razi, Imam al-Syahrastani dan Sultan Ulama I'zzuddin Ibn 'Abd al-Salam adalah sama pegangan dengan akidah puak sesat Jahmiyyah;

(f) mendakwa bahawa Imam Abu Hanifah mati dalam keadaan kufur; dan

(g) mendakwa bahawa tidak sah solat di belakang imam yang berpegang dengan akidah al-Asya'irah. Jika solat Jumaat di belakang imam yang bermazhab al-Asya'irah, maka solatnya hendaklah diulang dengan solat Zohor.

2. Mana-mana orang Islam yang mengamalkan sebarang ajaran yang berkaitan dengan Mhd Mohib Khouli Nazem adalah haram.

3. Ajaran Mhd Mohib Khouli Nazem merupakan fahaman ektremis agama atau golongan pelampau *(ghuluw)* yang boleh mengancam keselamatan negara.

4. Apa-apa publisiti, pengajaran atau penyiaran sama ada dalam bentuk bersemuka, atau melalui media sosial atau dalam apa-apa bentuk yang berkaitan dengan Mhd Mohib Khouli Nazem adalah tidak dibenarkan dan hendaklah disekat.

5. Apa-apa penulisan atau penerbitan bahan bercetak atau apa-apa yang berkaitan dengan ajaran Mhd Mohib Khouli Nazem adalah tidak dibenarkan dan hendaklah disekat.

6. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah tidak dibenarkan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang mempunyai kaitan dengan ajaran Mhd Mohib Khouli Nazem.

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

(b) mendakwa bahawa Allah S.W.T Maha Berkuasa terhadap segala sesuatu dan oleh sebab itu, jika Allah S.W.T menghendaki duduk atas belakang sayap nyamuk, Dia Maha Berkuasa melakukannya. Dakwaan ini merosakkan pegangan akidah masyarakat Islam kerana memahami seolah-olah Allah S.W.T mempunyai sifat dan jisim yang sama seperti makhluk;

(c) mendakwa bahawa pentakwilan ayat-ayat sifat Allah S.W.T yang diterima pakai oleh aliran ulama' al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah seperti *Istiwa', Wajh, Yad* dan seumpamanya adalah sesat sama kedudukannya seperti ajaran kumpulan Mu'tazilah dan Jahmiyyah yang sesat;

(d) mendakwa bahawa golongan al-Asya'irah adalah sama dengan golongan Yahudi, Jahmiyyah, Mu'tazilah, Musyrikin dan penyembah lembu;

(e) mendakwa bahawa akidah para ulama al-Asya'irah seperti Imam al-Ghazali, Imam al-Nawawi, Imam Fakhruddin al-Razi, Imam al-Syahrastani dan Sultan Ulama I'zzuddin Ibn 'Abd al-Salam adalah sama pegangan dengan akidah puak sesat Jahmiyyah;

(f) mendakwa bahawa Imam Abu Hanifah mati dalam keadaan kufur; dan

(g) mendakwa bahawa tidak sah solat di belakang imam yang berpegang dengan akidah al-Asya'irah. Jika solat Jumaat di belakang imam yang bermazhab al-Asya'irah, maka solatnya hendaklah diulang dengan solat Zohor.

2. Mana-mana orang Islam yang mengamalkan sebarang ajaran yang berkaitan dengan Mhd Mohib Khouli Nazem adalah haram.

3. Ajaran Mhd Mohib Khouli Nazem merupakan fahaman ektremis agama atau golongan pelampau *(ghuluw)* yang boleh mengancam keselamatan negara.

4. Apa-apa publisiti, pengajaran atau penyiaran sama ada dalam bentuk bersemuka, atau melalui media sosial atau dalam apa-apa bentuk yang berkaitan dengan Mhd Mohib Khouli Nazem adalah tidak dibenarkan dan hendaklah disekat.

5. Apa-apa penulisan atau penerbitan bahan bercetak atau apa-apa yang berkaitan dengan ajaran Mhd Mohib Khouli Nazem adalah tidak dibenarkan dan hendaklah disekat.

6. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah tidak dibenarkan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang mempunyai kaitan dengan ajaran Mhd Mohib Khouli Nazem.

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

7. Mana-mana orang yang berpegang pada, mempercayai, mengajar, belajar, menyebarkan atau mengamalkan ajaran sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1 wajib segera bertaubat kepada Allah S.W.T dan pihak berautoriti berhak mengadakan sesi pemulihan untuk mereka.

8. Oleh yang demikian, setiap orang hendaklah menghindari diri daripada terlibat dengan ajaran Mhd Mohib Khouli Nazem.

Bertarikh 16 Oktober 2023
[JMN.TR. (S) 610/2/3/1 Bhg 2; PUN.TR.266/2023/80]

Dengan Titah Perintah,

DATO' DR. HAJI MOHAMAD SABRI BIN HARON
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Negeri Terengganu

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

I. Fatwa Negeri Sabah

SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Diterbitkan dengan kuasa

Jil. LXXII] KOTA KINABALU, KHAMIS, 7 SEPTEMBER 2017 [No. 35

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI SUKARTI BIN WAKIMAN,
Setiausaha Kerajaan Negeri.

No. 273 [No. PMNS: (S): 600-1/2 JILID 15 (143)

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI "ALIRAN DAN DAKYAH WAHABIAH"

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 3/2016 telah bersidang pada 10-11 Ogos 2016M/7-8 Zulkaedah 1437H, bertempat di Bilik Seri Beringgis, TH Hotel & Residence, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara "Aliran Dan Dakyah Wahabiah" dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

Aliran dan Dakyah Wahabiah didapati bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi teras pegangan masyarakat Islam di Negeri Sabah. Percanggahan tersebut berdasarkan kepercayaan, perbuatan dan pengamalan aliran Wahabiah seperti berikut:

(a) Menolak dan menyesatkan pengamal pendekatan Tauhid Sifat 20;

(b) Menganggap syirik amalan-amalan ahli sunnah seperti perbuatan *tawassul, tabarruk* dan *istighathah* dan selawat-selawat yang mengandungi pujian kepada Rasulullah SAW seperti Selawat *Syifa* dan Selawat *Tafrijyyah*;

(c) Mendakwa bahawa pengikut aliran Asya`irah dan Maturidiyah tidak termasuk dalam golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah;

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

(d) Membid'ahkan pelbagai amalan ahli sunnah yang bersifat *khilafiyah* sebagai melakukan *bid'ah dalalah* dan pengamalnya akan menjadi penghuni neraka;

(e) Menganggap amalan dan sambutan-sambutan yang dilakukan bertujuan memuliakan Rasulullah SAW sebagai perbuatan syirik;

(f) Menolak sepenuhnya beramal dengan hadis daif;

(g) Memahami al-Quran dan al-Sunnah secara makna zahir semata-mata dan menolak pentakwilan dalam memahami teks al-Quran;

(h) Menolak fahaman bermazhab;

(i) Menolak kefahaman dan amalan tarikat tasawuf yang muktabar;

(j) Mempertikaikan ulama Nusantara yang muktabar serta kitab-kitab karya mereka;

(k) Mempertikaikan fatwa-fatwa atau keputusan pihak berkuasa agama;

(l) Berpegang dengan fahaman *tashbih* dan *tajsim* berdasarkan zahir ayat dan hadis yang *mutashabihat*; dan

(m) Mudah mengkafirkan, membid'ahkan dan memfasikkan golongan yang tidak sealiran dengan mereka;

Oleh yang demikian, Majlis Fatwa Negeri Sabah mengambil keputusan bahawa;

(i) Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan yang menjadi penyebar aliran dan dakyah Wahabiah adalah disifatkan berfahaman Wahabiah yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran Asya'irah dan Maturidiyah;

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI "ALIRAN DAN DAKYAH WAHABIAH" - *(samb.)*

(ii) Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan yang menjadi ahli jamaah atau pengikut aliran dan dakyah Wahabiah dengan berselindung di sebalik apa-apa nama, aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan aliran dan dakyah Wahabiah, adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran Asya'irah dan Maturidiyah;

(iii) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan yang cuba menyebarkan aliran dan dakyah Wahabiah, sama ada melalui apa-apa rangkaian, atau mana-mana pertubuhan atau persatuan yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan aliran dan dakyah Wahabiah adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran Asya'irah dan Maturidiyah;

(iv) Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana aliran dan dakyah Wahabiah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur aliran dan dakyah Wahabiah adalah bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran Asya'irah dan Maturidiyah; atau

(v) Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menojolkan tokoh, aliran dan dakyah Wahabiah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur aliran dan dakyah Wahabiah dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan adalah dilarang;

(v) Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang terlibat dengan perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah 1995 atau mana-mana undang-undang lain yang berkuat kuasa di Negeri Sabah.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

4. Lain-lain

i. Tentera Darat Malaysia[4]

[dropcap]I[/dropcap]su Salafi Wahabi dan Salafi Jihadi sememangnya banyak menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat awam sehingga menimbulkan banyak polemik dan perbahasan yang tidak berkesudahan. Pemahaman terhadap isu

[4] https://btdm.my/index.php/2017/12/01/fahaman-salafi-wahabi-origin-kepada-ekstremisme-dan-radikalisme-kontemporari/

Wahabi dan Salafi ini akan memudahkan kefahaman terhadap kontroversi jihad dan radikalisme yang dapat dilihat pada kumpulan-kumpulan pengganas kontemporari. Artikel ini akan membincangkan bagaimana ideologi atau doktrin Wahabi menjadi landasan seterusnya mendapat momentum bagi menggerakkan perjuangan menegakkan sebuah Khilafah Islamiyah seperti yang diperjuangkan oleh kumpulan-kumpulan radikal seperti Darul Islam, Al Jama'ah Al Islamiyah dan Ad Dawla Al Islammiya Fii Iraq Wa-Ash Sham (Daesh) @ Islamic State in Iraq and Syria (ISIS).

Persoalan tauhid, akidah dan bagaimana doktrin Wahabi diinterpretasi akan dibahaskan bagi mengenal pasti bagaimana dan mengapa ia mendapat tempat di kalangan pengikut kumpulan-kumpulan ekstremis dan teroris kontemporari. Intipati artikel ini adalah untuk memperincikan bagaimana fahaman Wahabi yang kemudiannya bertukar jenama menjadi fahaman Salafi berjaya mendapat tempat dan menjadi latar belakang dalam gerakan- gerakan ekstremisme dan radikalisme. Artikel ini juga akan membincangkan

mengapa fahaman Wahabi atau Salafi itu menjadi kontroversi seterusnya menjadi pemangkin kepada aktiviti-aktiviti keganasan yang dipaparkan oleh beberapa kumpulan radikal yang kita saksikan pada hari ini.

Sejarah Fahaman Atau Aliran Wahabi

Untuk memudahkan pemahaman terhadap matlamat perjuangan gerakan- gerakan seperti Al Jama'ah Al Islamiyah, Boko Haram, Kumpulan Abu Sayyaf (KAS), Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Hizbur Tahrir (HT), Darul Islam (DI), Al Arqam, Daesh @ ISIS dan beberapa kumpulan radikal yang lain, perbincangan tentang aliran dan fahaman Wahabi adalah perlu dijelaskan bagi memahami ideologi dan manhaj perjuangan mereka. Ini adalah kerana untuk memahami sejarah gerakan ekstremis dan radikal ini secara holistik, perlu difahami apakah ideologi dan akidah anutan pengikut jamaah ini terlebih dahulu. Justeru, perkara pokok atau tema utama yang perlu diselidiki adalah fahaman Wahabi atau disebut juga sebagai Muwahiddun (golongan yang mentauhidkan Allah/ tuhan yang satu) yang

menjadi latar belakang kepada gerakan-gerakan ini. Kebanyakan orang awam memahami atau merujuk serta mengaitkan gerakan-gerakan ini dengan fahaman Salafi atau Salafiyah.

Walaupun Salafi dan Wahabi merupakan dua istilah yang berbeza tetapi sebenarnya kedua-dua istilah ini adalah merupakan fahaman atau ajaran yang sama. Penjelasan ini juga perlu dilakukan bagi menerangkan bagaimana pengikut gerakan radikal ini sebenarnya berselindung di sebalik akidah mereka dengan menyandarkan (menisbatkan) diri mereka dengan golongan Salafus Soleh. Sememangnya bagi masyarakat awam yang tidak memahami sejarah fahaman Wahabi akan terkeliru dengan naratif yang dianjurkan oleh kumpulan-kumpulan sebegini sedangkan sebenarnya aliran fahaman Wahabi inilah yang telah menjurus umat Islam kepada fahaman beragama yang sempit, memecah-belahkan masyarakat dan menyuburkan radikalisme atas nama agama yang akhirnya mencemarkan imej agama dan imej umat Islam itu sendiri.

Di dalam sejarah gerakan Islam, gerakan fundamentalis mula mendapat momentum sekitar abad ke 20 dan dipelopori oleh tiga gerakan utama iaitu Salafi Wahabi dan Ikhwan Muslimin yang mewakili kelompok Sunni dan Revolusi Syiah yang merupakan representasi dari kelompok Syiah. Untuk tujuan kertas kerja ini, hanya gerakan Salafi Wahabi yang akan dibincangkan secara terperinci kerana ia menjadi fahaman yang kontroversi di alaf ini. Wahabi adalah merupakan sebahagian dari kumpulan orang Islam (Firqah) yang dibangunkan oleh Muhammad bin Abdul Wahab (1702-1787). Pihak yang menentang fahaman ini melabelkan gerakan ini sebagai Wahabi sementara pengikut fahaman ini menamakan diri mereka sebagai Muwahiddun. Sebenarnya wujud kekeliruan apabila melabelkan fahaman Muhamad bin Abdul Wahab ini dengan nama Wahabi kerana Abdul Wahab adalah nama bapa kepada pengasas fahaman ini dan beliau adalah seorang ulama Ahlus Sunnah Wal Jamaah. Justeru, menamakan fahaman ini dengan nama Wahabi adalah suatu yang tidak tepat kerana pengasasnya adalah Muhamad bin Abdul Wahab.

Seperti mana yang tercatat dalam kamus Munjid halaman 568: “Wahabiyah adalah suatu bahagian dari firqah Islamiyah dibangunkan oleh Muhamad bin Abdul Wahab (1702M-1787M). Lawannya menamainya sebagai Wahabiyah tetapi pengikutnya menamakan diri mereka “Al Muwahiddun” dan tariqat mereka dinamainya “Al Muhammadiyah”. Dalam Fiqah mereka berpegang kepada mazhab Hanbali disesuaikan dengan tafsir Ibnu Taimiyah.”

Namun begitu, apa yang tercatat dalam kamus Munjid ini tidak semuanya tepat kerana jika dikaji, ulama-ulama Wahabi sendiri tidak menyangkal dakwaan dan gelaran Wahabi ini, malah mereka menamakan kumpulan tersebut dengan nama Wahabi sebagaimana yang terdapat pada tajuk kitab mereka Al Hadiyyah Al Saniyyah Wa Tuhfah Wahhabiah Al Najdiah yang dicetak oleh percetakan Ummul Qura’, Mekah pada tahun 1344 Hijrah. Seorang ulama Mazhab Syafi’i di Mekah iaitu Sayyid Ahmad Zaini Dahlan yang meninggal dunia pada tahun 1304 Hijrah turut menulis sebuah buku yang menolak fahaman Wahabi ini dengan judul ‘Ad Duratus Saniyah Firraddi Alal

Wahabiyah' (Permata yang bertatah untuk menolak fahaman Wahabi) membuktikan bahawa nama Wahabi ini sudah wujud sejak sekian lama.

Fahaman Wahabi dianggap sebagai penerusan fahaman Ibnu Taimiyah, bahkan dalam banyak hal fahaman ini lebih radikal lagi daripada Ibnu Taimiyah. Ibnu Wahab sangat fanatik kepada Ibnu Taimiyah dan Ibnu Qayyim al-Jauziyyah malah dalam sesetengah keadaan Ibnu Wahab bersikap lebih keras dari kedua-dua tokoh ini. Aliran Wahabi ini sangat dominan di Arab Saudi, Kuwait, Qatar, Somalia, Algeria, Palestin dan Mauritania. Muhamad bin Abd Wahab sangat terpengaruh dengan fahaman dan aliran pemikiran Ibnu Taimiyah. Ibnu Taimiyah memang terkenal dengan fatwa- fatwa yang kontroversi sehingga ada pengikut mazhab Hanbali yang tidak bersetuju dengan beliau.

Adakah Salafi Dan Wahabi Fahaman Yang Sama?

Selanjutnya, artikel ini akan membincangkan bagaimana pula istilah Salafi dikaitkan dengan Wahabi. Adakah kedua istilah ini berbeza atau adakah pengikut Wahabi berselindung di sebalik

istilah Salafi bagi mengembangkan fahaman mereka. Perkataan Salafi adalah kata nisbah bagi Al Salaf. Dari segi bahasanya, Al Salaf bermaksud orang-orang yang mendahului atau hidup sebelum zaman kita. Istilah Al Salaf secara mudah untuk difahami adalah merujuk kepada generasi awal Islam iaitu para sahabat Nabi S.A.W, para Tabi'in dan Tabi' al-Tabi'in dan para Imam yang mewarisi ilmu dan pendidikan dari generasi awal tersebut. Ini jelas diterangkan dalam sebuah hadis Rasullulah S.A.W: "Sebaik-baik manusia adalah (yang hidup) di masaku, kemudian mereka yang mengikuti mereka (Tabi'in), kemudian yang mengikuti mereka (Tabi' At-Tabi'in)…(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)."

Justeru, seseorang yang mengaku Salafi adalah seseorang yang mengikuti ajaran para sahabat Nabi S.A.W, Tabii'in dan Tabi' At-Tabi'in. Di sini timbul satu persoalan yang amat mengelirukan iaitu adakah umat Islam lain yang mengikuti dan mengamalkan syariat dan ajaran Islam mengikut mazhab Imam yang empat tidak dikira Salafi. Sedangkan keempat-empat Imam ini adalah terdiri dari golongan Salaf yang hidup di dalam zaman

atau generasi terbaik yang dimaksudkan dalam hadis tersebut. Malah Imam-Imam ini lebih dekat dengan Tabi'in dan Tabi' At Tabi'in berbanding dengan Ibnu Taimiyah yang hidup 600 tahun selepas kewafatan Nabi S.A.W dan Muhamad bin Abdul Wahab yang lahir 1400 tahun selepas kewafatan Nabi S.A.W.

Sebahagian ulama kemudiannya menambahkan label Al Soleh (menjadi Al Salaf Al Soleh) untuk membezakan generasi terdahulu (As Salaf) dengan generasi sekarang (Al Khalaf). Justeru, seorang Salafi memberi makna seorang yang mengaku mengikuti jalan para sahabat Nabi S.A.W, para Tabi'in dan Tabi' al-Tabi'in serta para imam yang mewarisi ilmu dan pendidikan dari generasi awal tersebut dengan memahami sepenuhnya setiap ajaran yang ditinggalkan. Lanjutan dari perkataan ini maka timbul bentuk perkataan lain seperti Salafiyah (yang bermaksud ajaran atau fahaman kesalafan) atau Salafiyun/Salafiyin yang merupakan bentuk plural dari perkataan Salafi. Salafiyah juga boleh diertikan dengan khazanah ilmu yang

bersumberkan dari pemahaman secara mendalam tentang ajaran Salafus al Soleh.

Salafiyah juga bermaksud membawa semangat untuk kembali kepada yang asal kerana yang asal itu lebih murni, dekat dan sesuai dengan kehendak Al Quran dan As Sunnah. Di sinilah konsep Salafiyah bertemu dengan konsep Tajdid (pembaharuan). Seorang Mujaddid adalah seorang yang berhasil mengingatkan dan mengembalikan umat Islam daripada jauh terpesong daripada jalan yang benar. Namun, ia hanya dianggap Mujaddid sekiranya apa yang dilakukan itu benar- benar Tajdid dan untuk memastikan ini berlaku seseorang itu mestilah memiliki keilmuan yang cukup tinggi, kefahaman yang benar dan ketaqwaan yang jitu hingga tidak tersasar dari landasan sebenar. Golongan Salafi ini sebenarnya bercita-cita untuk mengembalikan umat Islam kepada ajaran asal yang difahami oleh Al Salaf Al Soleh.

Berdasarkan dari definisi yang telah dibincangkan di atas, sebenarnya tidak ada masalah bagi sesiapa sahaja yang mengaku diri mereka Salafi kerana setiap umat Islam mengakui

tentang kedudukan Nabi S.A.W dan dua generasi terbaik selepas Nabi S.A.W kerana sedikit sebanyak setiap umat Islam yang bermazhabkan Imam yang empat mempunyai sifat kesalafian di dalam diri mereka walaupun ia tidak dicanangkan secara terbuka. Masalah yang timbul lewat abad ke 20 ialah ada sekelompok umat Islam yang mencanangkan bahawa mereka adalah golongan Salafi dan pengikut Manhaj salaf lalu menuduh kelompok umat Islam yang lain tidak mengikut Manhaj Salaf. Berdasarkan pengkajian, kelompok yang mengaku Salafi ini sebenarnya adalah juga dikenali sebagai Wahabi. Justeru, tidak ada perbezaan di antara Salafi dan Wahabi. Fahaman ini dikenali sebagai Wahhabiyah Hanbaliyah di Jazirah Arab dan apabila fahaman ini dieksport ke luar dari tanah Arab ia bertukar nama menjadi Salafi.

Prof Dr Sa'id Ramadhan al Buthi dalam bukunya, as Salafiyah Marhalah Zamaniyah Mubarakah La Madzhab Islamiy telah membongkar penyamaran Salafi Wahabi ini dengan mengatakan bahawa Wahabi telah bertukar menjadi Salafi atau kadangkala menjadi

Ahlussunnah tanpa diikuti dengan istilah Wal Jamaah kerana golongan ini merasa tidak selesa apabila dilabelkan sebagai Wahabi. Istilah Salafi ini dipercayai diperkenalkan oleh seorang ulama Wahabi iaitu Syeikh Nashiruddin Al Abani bagi menyegarkan atau memberi nafas baru kepada fahaman ini agar ia dilihat lebih menarik dan mendapat sambutan. Setelah penjenamaan semula istilah Wahabi kepada Salafi ini maka gerakan dakwah Wahabi mula mendapat sambutan kerana gagasan yang mereka bawa adalah mengajak umat Islam kembali kepada pemahaman Salaf.

Golongan Wahabi ini menukar nama kepada Salafi kerana jika fahaman ini dinisbatkan kepada Wahabi atau pengasasnya Muhamad bin Abdul Wahab maka gerakan dakwah mereka untuk memurnikan Islam akan menemui kegagalan untuk menarik pengikut atau menyebarkan fahaman ini di luar tanah Arab disebabkan gerakan Wahabi telah banyak menimbulkan kontroversi malah melibatkan pertumpahan darah di Tanah Arab sendiri sebagai contohnya 'Peristiwa Mekah Berdarah' pada tahun 1979. Peristiwa ini adalah merupakan pemberontakan bersenjata ke atas

pemerintah Arab Saudi yang dilihat telah menyimpang dari ajaran Salafi dan ia dipimpin oleh Juhaiman Al Utaibah (bekas pengikut Jama'ah Salafyyiah Al Muhtasibah) dan 300 orang pengikut yang telah mencederakan umat Islam yang sedang mengerjakan haji.

Persoalan Salafi Wahabi Dan Salafi Jihadi

Seperkara lagi yang menjadi perbahasan di kalangan ulama dan cendekiawan ialah istilah Salafi Jihadi yang menjadi pegangan atau doktrin kumpulan- kumpulan seperti Al Jama''ah Al Islamiyah serta Daesh @ ISIS. Persoalan Salafi Wahabi dan Salafi Jihadi adalah merupakan satu isu yang mengelirukan kerana perbezaan istilah dan dalam konteks mana ia diguna pakai. Perbahasan tentang istilah ini selalunya menjurus kepada kekeliruan dalam konteks manakah kumpulan-kumpulan radikal seperti Daesh @ ISIS itu sepatutnya dikategorikan. Menurut pengikut-pengikut Daesh @ ISIS mereka mengakui bahawa mereka berpegang kepada akidah Ahli Sunnah wal Jamaah. Mereka kononnya memahami Islam

secara menyeluruh (Kaffah) dengan mengikuti pemahaman para As Solafus Soleh.

Namun begitu, beberapa persoalan timbul apabila mereka mengatakan bahawa mereka hanya bertaklid kepada ulama-ulama Salaf. Istilah 'Salaf' itu sebenarnya tidak merujuk kepada 'kelompok yang mempunyai keyakinan yang sama' atau merujuk kepada 'sesuatu mazhab dalam Islam' tambahan pula tidak terdapat satu hadis atau dalil yang meriwayatkan bahawa ada di antara sahabat-sahabat Nabi S.A.W, Imam-Imam Mujtahid dan para ahli hadis yang menggelarkan diri dan pengikut mereka sebagai golongan 'Salafi'. Apabila membahaskan tentang istilah Salafi Wahabi atau Salafi Jihadi ia perlu dilihat dari konteks sejarah tentang kelahiran fahaman tersebut serta tokoh-tokoh yang terlibat dibelakangnya. Justeru, kesimpulan di antara kedua-dua istilah tersebut adakah ia mempunyai persamaan ataupun berbeza sama sekali.

Pemikiran Salafi adalah merupakan landasan berbagai gerakan Islam sejak beberapa dekad ini. Semangat Tajdid adalah sebab terbentuknya pelbagai gerakan Islam tersebut dan kemunculan

gerakan Salafiyun mencerminkan corak Salafi dalam arus Tajdid tersebut. Namun begitu, dari gerakan Salafiyun ini muncul golongan yang dipanggil kelompok ekstrem Salafi Yamani. Di antara ciri-ciri Salafi Yamani ialah suka membida'ahkan, mencari kesalahan orang lain lalu menyebarkannya, menyesatkan kelompok lain dan memberi label-label tertentu kepada golongan yang berbeza dari mereka. Pengikut Salafi Yamani tidak mengambil bahagian dalam proses mendakwahkan dan berkomunikasi dalam masyarakat kerana mereka menganggap kerjasama sebegini adalah satu Bida'ah. Apa yang paling ketara ialah kelompok ini bersikap jauh lebih keras sesama Islam berbanding dengan orang kafir. Justifikasi mereka, orang Islam yang murtad adalah lebih bahaya dan layak diperangi kerana mereka pada asalnya adalah orang Islam yang mengetahui tentang hukum Islam berbanding dengan orang bukan Islam (Kafir Harbi) yang ternyata tidak mengetahui tentang ajaran Islam.

Selain gerakan ekstrem Salafi Yamani, Salafiyun juga menjadi latar belakang kepada kebangkitan Salafi Jihadi. Salafi Jihadi adalah

istilah yang diberikan kepada kalangan umat Islam yang beraliran pemikiran seperti Salafiyun (iaitu kembali kepada Al-Quran dan sunnah, memurnikan akidah serta menolak Bida'ah) dan golongan ini mempunyai matlamat dakwah untuk menegakkan Daulah Islam dengan menggunakan kaedah Jihad Qital (perang) serta tidak ragu-ragu mengkafirkan pemerintah Islam yang tidak menegakkan hukum syariah di dalam sesebuah negara. Salah satu gerakan Islam di Indonesia yang menggelar diri mereka Salafi atau Salafiyah adalah Lasykar Jihad yang dipelopori oleh Ja'far Umar Thalib pada 6 April 2000 selepas meletusnya konflik agama di Ambon dan Poso. Menurut Azyumardi Azra, seorang pengkaji gerakan Islam di Indonesia, gerakan Lasykar Jihad ini dikategorikan sebagai golongan Salafi Radikal. Istilah Salafi Radikal ini digunakan oleh Azra untuk menerangkan golongan yang melakukan tindakan kekerasan dan terorisme bersandarkan konsep dan ideologi tersebut. Sekembalinya Ja'afar Umar Talib ke Indonesia, beliau telah mengembangkan perjuangan dakwahnya berkonsepkan dakwah Salafiyyah.

Konsep Salafiyah ini sebenarnya membawa pengertian satu aliran yang berkehendakkan Ahlul As Salaf sebagai ikutan dan panduan umat Islam namun begitu konsep ini didapati telah terpesong daripada landasan yang sebenar. Ia telah menjadi satu aliran pemikiran atau mazhab khusus bagi golongan tertentu yang mendakwa mereka menjadi pengikut ulama tertentu seperti Ibnu Taymiyyah dan menolak ulama lain yang dianggap telah menyimpang dari kebenaran. Walaupun perkataan Salaf kelihatan sinonim dengan kelompok Salafi namun sebenarnya ia bukan hak ekslusif dan menjadi ciri-ciri khas golongan tersebut. Menurut Ramadhan al-Buthi juga, Salafiyah sebenarnya bukan suatu mazhab pemikiran melainkan suatu zaman yang berkah. Adalah menjadi bida'ah menjadikan Salafiyah suatu aliran yang tertentu dan membezakannya dengan aliran ahli Sunnah wal Jama`ah.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, persoalan Salafi Wahabi ini sebenarnya amat kompleks dan garis pemisahnya hampir sukar untuk dikenalpasti. Justeru, kefahaman yang mendalam tentang definisi Wahabi, Salafi, Salafus

Soleh, Salafiyun, Salafiyamani dan Salafi Harakiamat penting untuk menentukan garis pemisah di antara kelompok-kelompok dalam aliran yang mengaku berfahaman Salafi ini. Ini adalah untuk mengelakkan umat Islam terjerumus di dalam keraguan dan melabelkan sesuatu golongan sebagai sesat dan sebagainya. Dalam artikel ini, istilah Salafi Wahabi akan digunakan bagi menjelaskan bahawa kedua-duanya adalah fahaman yang sama. Artikel ini seterusnya akan membincangkan satu lagi cabang yang terakhir di dalam fahaman Salafi iaitu apa yang dipanggil Salafi Takfiri. Perkataan Takfiri diambil dari kata Takfir yang bermaksud mengkafirkan.

Dari Mana Munculnya Golongan Salafi Takfiri?

Golongan Takfiri adalah satu lagi kelompok serpihan dari Salafi Wahabi yang muncul di era 1970an. Jika dikaji aliran Takfiri kontemporari dengan pelbagai alirannya Sanad keilmuan mereka tidaklah sampai kepada para ulama salaf namun hanya berakhir pada Jamaah Takfir Wal Hijrah, Jamaah Jihad Dan Al Jamaat Al Islamiyya yang muncul pada tahun 60-an dan 70-an di Mesir.

Aliran takfiri ini tumbuh berkembang dari gagasan Sayyid Qutb. Sayyid Qutb pada awalnya terdidik oleh ajaran Ikhwan Muslimin yang didirikan oleh Hasan al Banna pada tahun 1928 namun pada akhirnya Qutb memisahkan diri secara pemikiran dari ideologi Ikhwanul Muslimin.

Tokoh-tokoh Takfiri ini adalah Ayman al Zhawahiri dan Abu Muhammad al Maqdisi yang terlibat dengan generasi awal Jamaah Jihad pada tahun 1966 setelah Sayyid Qutb dihukum bunuh. Abu Muhammad al Maqdisi adalah tokoh yang menubuhkan Bay‟at Al Imam bersama-sama dengan Abu Musab Al Zarqawy semasa mereka berdua di penjara di Swaqa, Jordan. Bay'at Al Imam inilah yang menjadi Daesh@ISIS pada hari ini. Maka tidak dapat disangkal lagi apabila kebanyakan literatur menyatakan bahawa elemen radikalisme dan keganasan kontemporari adalah berpunca dari gabungan fahaman Wahabi dengan aliran radikal Sayyid Qutb dan dipelopori oleh Ayman al Zhawahiri semasa di Afghanistan yang merupakan tokoh besar Al Qaeda bersama Osama bin Laden.

Di antara fahaman-fahaman yang dipraktikkan oleh golongan Salafi Takfiri ini ialah memberikan hak eksklusif kepada mereka untuk mengkafirkan orang Islam yang tidak dalam golongan mereka di atas jenayah dan praktik beragama yang bertentangan dengan praktik mereka. Mereka juga menolak sepenuhnya kuasa politik ke atas pemerintah yang sah. Golongan Takfiri menyatakan bahawa idea dan gagasan politik selain daripada gagasan Islam mereka adalah tidak sah malah mereka melabel pemimpin-pemimpin tersebut sebagai orang yang merampas kuasa lalu mereka layak atau menjadi kewajipan untuk membunuh dan merampas kuasa dari mereka. Di sini terdapat sedikit perselisihan pemahaman di mana golongan Salafi Wahabi berkeyakinan bahawa menjadikan hukum manusia sebagai aturan mengikat masyarakat adalah perbuatan haram yang menyebabkan pelakunya terjerumus dalam kekafiran kecil tetapi tidak sampai mengeluarkan pelakunya dari agama Islam kecuali jika diiringi dengan keyakinan bahawa pemerintah itu mengakui bahawa memang boleh atau lebih baik menggunakan hukum manusia yang

bertentangan dengan hukum Allah. Ketentuan ini berlaku untuk pemerintah dan rakyat jelata sedangkan golongan takfiri berkeyakinan bahawa menggunakan hukum manusia itu menyebabkan jatuh kafirnya kepada pemerintah dan keluarnya mereka dari agama Islam. Apa yang peliknya, hukum kafir hanya mereka tujukan kepada pemerintah tetapi tidak kepada rakyat biasa.

Golongan Salafi Takfiri juga mempunyai interpretasi yang berlainan berhubung dengan soal jihad. Perkara jihad ini tidak dibincangkan secara terperinci di dalam artikel ini kerana ia memerlukan penerangan yang sangat panjang. Golongan ini juga mengeluarkan fatwa dan memberikan interpretasi sendiri tentang konsep bunuh diri (pengebom berani mati) dan Irhabiyah – keganasan. Interpretasi ini bersandarkan dari ayat Al Quran: "Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa saja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggerunkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang yang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya. (Al Anfal [8]:60)"

Pendapat dan tafsiran ini dikeluarkan oleh Syeik Abdullah Azzam semasa di Afghanistan dengan justifikasi bahawa ayat Turhibunabihi (Surah Al Anfal [8]: 60 – "yang dengan persiapan itu, kamu menggerunkan...") adalah perintah untuk melakukan kekerasan ke atas musuh-musuh Islam. Jika dilihat konsep 'terjemahkan' sahaja yang dipraktikkan oleh golongan Salafi Wahabi ini maka adalah sesuatu yang tidak menghairankan bahawa golongan ini akan membuat tafsiran ayat-ayat secara literal/harfiah asalkan ia menjustifikasikan matlamat dan kaedah perjuangan mereka. Sepertimana yang dinyatakan oleh laporan ICG, "The Salafy community views itself first and foremost in religious, rather than political, terms and eschews both politics and violence because they divert attention from the study of faith and propagation of Salafy principles".

Kumpulan-kumpulan radikal seperti Al Jama'ah Al Islamiyah dan Daesh @ ISIS sering menjustifikasikan kewujudan mereka adalah berasaskan kehendak agama semata-mata dan dengan menggunakan platform agama mereka

menggabungkan aliran fundamentalis Salafi di antara pemikiran radikal Sayyid Qutb dan aliran jihadi Abdullah Azzam. Bagi golongan ini, dakwah semata-mata adalah tidak memadai. Justeru, kekerasan perlu digunakan untuk menegakkan sebuah Khilafah Islamiyah. Melalui fahaman dan aliran pemikiran inilah maka terjadinya fenomena keganasan yang diterjemahkan oleh pengikut Al Jama'ah Al Islamiyah, Boko Haram, KAS, Al Qaeda, Jama'ah Jihad, Jama'ah Takfir Wal Jihad, Darul Islam dan Daesh @ ISIS.

Penyimpangan Wahabi Dalam Menginterpretasi Agama

Berdasarkan dari definisi Salaf dan Salafiyah yang telah dibincangkan di awal artikel ini, sebenarnya tidak timbul sebarang masalah jika seseorang atau sesuatu kelompok menggelarkan diri mereka sebagai golongan atau pengikut Salafi. Ini adalah kerana setiap umat Islam mengakui kedudukan dan keistimewaan para sahabat Nabi S.A.W serta dua generasi terbaik selepas itu (Tabi'in dan Tabi' At Tabi'in). Tiga golongan ini hidup dalam tempoh masanya adalah kira-kira 300

tahun. Walau bagaimanapun, imej dan istilah Salafi ini sudah mula menyimpang sekitar abad ke 18 dan ke 19 dan dipelopori oleh tokoh seperti Muhamad bin Abd Wahab (pengasas fahaman Wahabi di Tanah Arab) dan dikembangkan kemudiannya oleh tokoh dan ulama seperti Syeikh Abdullah bin Baz, Syeikh Nashiruddin Al Albani, Ibnu Utsaimin, Syeikh Salih Fauzan Al Fauzan dan akhir sekali oleh Abdullah Azzam sekitar tahun 1980an – 1990an semasa perang melawan Soviet di Afghanistan. Terdapat sebahagian kelompok tertentu yang menyatakan bahawa hanya mereka sahaja yang merupakan kelompok Salaf manakala kelompok yang lain dianggap tidak mengikuti Salaf.

Usaha Al Albani di dalam menjenamakan semula dakwah Wahabi dengan istilah baru iaitu Salafi telah membuahkan hasil bukan sahaja di dunia Arab malah fahaman ini mula dikembangkan di luar tanah Arab serta mendapat sambutan. Salah satu usaha dakwah mereka ialah mengajak dan menyeru umat Islam kembali kepada pemahaman Salaf. Jika diamati dengan teliti, di sebalik seruan untuk kembali kepada pemahaman Salaf ini

mereka melarang umat Islam dari mengikuti pemahaman Salaf yang dipelopori oleh Imam yang keempat iaitu Imam Malik, Imam Abu Hanifah, Imam Syafie dan Imam Ahmad sedangkan kesemua ulama ini hidup di dalam tempoh tiga abad terbaik sepertimana yang dimaksudkan dengan golongan Salaf. Mereka menggalakkan umat Islam mengikuti atau bertaklid kepada pemahaman orang-orang yang hidup selepas tiga abad terbaik (300 tahun selepas kewafatan Nabi S.A.W) iaitu pemahaman Ibnu Taimiyah, muridnya Ibnu Qayyim al Jauziyah dan Muhamad bin Abd Wahab.

Justeru, pada hakikatnya, mereka ini bukanlah golongan Salafi atau pengikut Salaf, tetapi adalah pengikut Salafi Wahabi iaitu pengikut Muhamad bin AbdWahab. Muhamad bin Abd Wahab memang diakui seorang yang sangat mengagumi Ibnu Taimiyah iaitu seorang ulama kontroversi yang hidup pada abad ke 8 Hijriah dan tokoh pemikir Islam ini dilihat sangat mempengaruhi pemikiran Muhamad bin Abd Wahab. Pada abad ke 18, fatwa-fatwa jihad Ibnu Taimiyah ini dihidupkan semula oleh golongan Salafi moden

yang menggelarkan diri mereka Salafi Jihadi. Muhamad bin Abd Wahab telah mengeluarkan fatwa bahawa syirik dalam beribadah kepada Allah S.W.T akan membatalkan keislaman seseorang. Ia juga mengatakan bahawa jika tidak mengkafirkan orang-orang musyrik ia akan mengeluarkan seseorang dari keislamannya. Orang yang mengucap dua Kalimah Syahadah tetapi tidak mengkafirkan orang musyrik maka ia juga kafir dan harus diperangi.

Pada abad ke 20 ini, fahaman ini diperbaharui lagi oleh tokoh-tokoh Salafi seperti Abdullah bin Baz (1909-1999) dan Nashiruddin Al Albani (1914-1999). Pada tahun 1984, semasa era perang Afghanistan, Abdullah Azzam (seorang anak murid yang belajar fahaman Salafi secara terus dari Abdullah bin Baz) dan juga seorang tokoh Ikhwan Muslimin di Mesir telah mendedikasikan dirinya dengan jihad di Afghanistan. Beliau telah mengeluarkan buku Ad Difa' AnAradli Al Muslimin Furudl Al' A'yan – The Defence of Muslim Lands yang menyatakan bahwa jihad di Afghanistan adalah hukumnya Fardhu Ain bagi setiap umat Islam di dunia malah meninggalkan

jihad di Afghanistan adalah bersamaan dengan meninggalkan solat dan puasa. Pandangan ini berbeza dengan pandangan gurunya yang mengatakan bahwa jihad itu hukumnya Fardhu Ain bagi umat Islam di Afghanistan dan Fardhu Kifayah bagi umat Islam di luar wilayah Afghanistan. Abdullah Azzam adalah tokoh yang telah mempopularkan ajaran-ajaran baru dalam fahaman Salafi Wahabi ini yang kemudiannya dikenali sebagai As Salafy Al Jihadi atau Salafi Jihadi yang menjadi fahaman dan anutan pengikut Al Jama'ah Al Islamiyah dan kini menjadi anutan pengikut Daesh @ ISIS. Azzam mengertikan jihad Fisabilillah sebagai Qital Fisabilillah (perang di jalan Allah). Ia menolak pengertian Lughowi (bahasa) menurut empat mazhab Hanafi, Maliki, Hanbali dan Syafie. Jihad adalah merupakan istilah Syar'i sebagaimana solat, puasa, zakat dan haji. Menurutnya, semua istilah itu mempunyai pengertian yang diatur oleh syariah sehingga tidak boleh dipermainkan pengertian Syar'i tersebut. Jihad adalah berperang di jalan Allah dan tiada makna lain bagi jihad melainkan berperang. Beliau juga menolak hadis yang mengatakan perang

adalah jihad kecil kerana mengatakan hadis itu adalah hadis Mau'du (palsu) dan tidak boleh dijadikan rujukan Syar'i.

Persoalan Tauhid Dan Akidah

Perkara pokok yang mesti difahami tentang fahaman Salafi Wahabi ini ialah berkenaan soal akidah iatu pemahaman tentang perkara tauhid yang menyentuh tentang keislaman seseorang. Bertitik tolak dari kefahaman tentang soal tauhid inilah yang akhirnya menyebabkan golongan Salafi Wahabi ini menjatuhkan hukum Takfir kepada golongan lain serta menjatuhkan hukuman sesat dan Bida'ah kepada umat Islam yang lain. Artikel ini ingin menekankan bahawa pengetahuan tentang aspek tauhid ini amat penting untuk memahami mengapa pengikut kumpulan-kumpulan radikal seperti Daesh @ ISIS ini menterjemahkan perjuangan mereka untuk mendirikan sebuah Daulah Islamiyah seterusnya sebuah Khilafah. Berlanjutan dari doktrin tauhid dan permasalahan Takfir inilah yang akan menjustifikasikan tindakan mereka untuk menentang pemerintah dalam sesebuah negara di

samping menghalalkan tindakan-tindakan yang tidak sehaluan dengan umat Islam arus perdana. Di dalam soal tauhid, Ibnu Taimiyah telah membuat pembahagian Tauhid kepada empat cabang iaitu Tauhid Rububiyyah, Tauhid Uluhiyah, Tauhid Ibadah dan Tauhid Sifat-Sifat (Asma Was Sifat). Ibnu Taimiyah berpendapat bahawa Tauhid Rububiyah dan Tauhid Uluhiyah berkait rapat dan tidak boleh dipisahkan. Pengakuan Tauhid Uluhiyah adalah pengakuan Tauhid Rububiyah manakala menafikan Tauhid Rububiyah adalah menafikan Tauhid Uluhiyah, kerana tujuan utama ialah Tauhid Uluhiyah.

Muhamad bin Abdul Wahab pula mengembangkan lagi fahaman mengenai Tauhid yang diperolehi dari Ibnu Taimiyah ini mengikut kefahaman beliau dan cuba menghubungkaitkan dengan realiti sosiopolitik masyarakat di mana beliau berdakwah. Pemahaman tauhid oleh Muhamad bin Abdul Wahab ini perlu difahami dengan jelas kerana hasil dari pemahaman Tauhid inilah yang akan dan telah mencetuskan isu Takfir (mengkafirkan umat Islam yang tidak mengikut aliran Salafi Wahabi). Ibnu Wahab telah

mengambil mazhabnya mengenai pemurnian tauhid daripada Ibu Taimiyah, kemudian beliau membataskan tauhid kepada dua dimensi sahaja iaitu dimensi yang pertama ialah Tauhid Rububiyah yang mana ia adalah tauhid yang diakui oleh puak musyrikin di zaman Rasulullah S.A.W. Jenis tauhid ini tidak memasukkan puak musyrikin ke dalam kitaran keimanan. Walaupun golongan musyrikin tersebut sebenarnya mengakui yang Allah S.W.T itu yang mencipta dan mengatur tetapi dengan tauhid mereka itu walaupun ia satu kebenaran yang mesti diterima tetapi ia tidak memasukkan seseorang ke dalam Islam kerana kebanyakan orang mengakui jenis tauhid ini. Perkara inilah yang disamakan dengan golongan umat Islam yang tidak mengikuti aliran pemahaman tauhid golongan Salafi Wahabi.

Dimensi yang kedua adalah berkenaan Tauhid Uluhiyah di mana Ibnu Wahab mentakrifkan jenis tauhid ini dengan berbagai takrif yang berlainan ungkapan tetapi membawa makna yang sama. Kadang kala jenis tauhid ini disebut oleh Ibnu Taimiyah sebagai Tauhid Uluhiyah dan dalam keadaan tertentu pula disebut sebagai Tauhid

Ibadah. Beliau telah berusaha keras untuk membezakan secara putus di antara tauhid ini dengan jenis yang terdahulu iaitu Tauhid Rububiyah namun beberapa pengikutnya serta orang lain masih terkeliru tentang kedua-kedua jenis tauhid ini. Sehinggakan sesetengah mereka terpaksa meninggalkan konsep Tauhid Rububiyah dan hanya berpegang dengan Tauhid Uluhiyah.

Seperti mana yang telah ditekankan sebelum ini persoalan akidah yang berkisar kepada soal tauhid ini amat penting bagi memahami akidah dan ideologi pengikut kumpulan radikal seperti Daesh @ ISIS. Tiga perkara di dalam ajaran Islam yang tidak boleh dipisahkan ialah tauhid (iman), fiqah (syariat Islam) dan tasawuf (ihsan) yang mana ketiga-tiga perkara ini adalah merupakan asas fundamental sebagai kesempurnaan dalam beragama. Tanpa kehadiran ketiga-tiga perkara ini maka keislaman seseorang itu tidak akan menjadi sempurna. Perkara tauhid adalah bersangkutan dengan hal-hal keimanan seseorang. Ia sangat penting di dalam proses untuk merekrut pengikut ke dalam Jama‟ah dan pembinaan tauhid adalah merupakan kunci kepada kemenangan sesebuah

gerakan Islam. Perjuangan untuk menegakkan negara Islam atau melaksanakan syariat Islam bukanlah merupakan faktor penarik untuk merekrut pengikut melainkan mereka telah ditanam dengan akidah yang betul lalu sedia berkorban demi perjuangan yang disertai. Nabi Muhammad S.A.W sendiri berjuang selama 13 tahun di Mekah untuk membetulkan tauhid dan akidah umat Islam. Apabila Nabi berhijrah ke Madinah, proses dakwah menjadi mudah dan umat Islam bersedia untuk menerimanya kerana perkara pokok mengenai tauhid telah dibetulkan. Di samping itu, tauhid juga menyebabkan para sahabat sanggup berjuang dan berkorban demi untuk membela agama.

Perkara ini amat disedari oleh Kartosuwiryo ketika beliau memimpin gerakan Darul Islam (DI) di Indonesia dan doktrin mengenai tauhid ini disusun oleh ajutan beliau iaitu Aceng Kurnia. Aceng Kurnia amat mengetahui bahawa aspek kerohanian yang melibatkan perkara-perkara tauhid amat perlu bagi merekrut pengikut DI. Di era DI, Aceng Kurnia telah menyusun satu doktrin tauhid yang dipanggil Tauhid Rububiyah,

Mulkkiyah danUluhiyah (dikenali juga sebagai Tauhid RMU). Apa yang menarik di sini ialah Aceng Kurnia telah memperkenalkan satu lagi cabang Tauhid iaitu Tauhid Mulkiyah. Aceng Kurnia dilihat lebih terpengaruh dengan buku-buku karangan Sayyid Qutb dan al Maududi. Dua buah buku karangan al Maududi yang telah mengubah pemikiran.

Aceng Kurnia ialah Teori Politik Islam dan Empat Istilah Dalam Al Quran. Buku ini sangat mempengaruhi beliau kerana beliau menemui bahawa Allah S.W.T di dalam Al Quran disebut antaranya dengan kata Illah dan Rabb.Menurut Al Maududi, kedua-dua perkataan ini adalah Hakimiyah Tuhan atau kekuasaan Tuhan. Sepertimana konsep tauhid yang dikembangkan oleh Ibnu Wahab, doktrin Tauhid yang diperkenalkan oleh Aceng Kurnia inilah akhirnya yang menjurus kepada sikap Takfir oleh pengikut DI ke atas umat Islam di luar jamaah mereka. Persamaan ini amat jelas dengan pengikut Daesh @ ISIS kerana perkara pokok yang menentukan keislaman sesorang adalah soal tauhid iaitu mengesakan Allah S.W.T dan berdasarkan hujah

tauhid ini mereka bukan sahaja boleh mengkafirkan sesiapa di luar jama'ah malah darah golongan ini halal untuk diperangi.

Akhir sekali di bawah tajuk dan persoalan akidah serta tauhid, artikel ini turut membincangkan tentang doktrin Tauhid Hakimiyah dan menerangkan bagaimana ia menjadi doktrin utama fahaman Salafi Jihadi yang meresap ke dalam gerakan seperti Daesh @ ISIS ini. Ajaran Tauhid Hakimiyah ini sudah lama hidup di Mesir sekitar tahun 1960 an dan dipelopori oleh Sayyid Qutb melalui bukunya Ma'alim fil Thariq (Petunjuk Jalan/Milestone). Walau bagaimanapun, bukan gagasan Sayyid Qutb tentang Tauhid Hakimiyah dan jihad ini yang dibawa ke Aghanistan tetapi ia adalah ajaran Tauhid Hakimiyah dan jihad versi Salafi yang disusun oleh Muhamad Abdussalam Faraj (1952-1982) melalui bukunya Al-farida al-gha'ba (Kewajipan Yang Hilang) pada tahun 1980.

Fahaman ini dibawa masuk ke Afghanistan oleh aktivis dari Jamaah Jihad dan al Jamaat al Islamiyya dari Mesir. Abdullah Azzam hanya membahaskan persoalan Tauhid Hakimiyah

sepintas lalu di dalam bukunya 'Di bawah Naungan Surah At Taubah'. Tauhid Hakimiyah adalah pandangan bahawa kedaulatan politik sepenuhnya adalah milik Allah S.W.T. Hujah yang digunakan adalah, kedaulatan Allah ini sepatutnya dibuktikan dalam bentuk penerapan hukum-hukum Allah dalam mengatur kehidupan sosial dan masyarakat. Oleh kerana Allah sebagai Pencipta maka Dialah yang paling tahu syariat bagi ciptaaanNya dan Dialah yang paling berhak membuat syari'at bagi ciptaannya. Justeru, sesiapa yang membuat undang-undang yang bertentangan dengan syari'at Islam bererti telah merampas hak tasyri' Allah bagi ciptaanNya dan dalam erti kata yang lain mereka adalah golongan musyrik.

Sebenarnya, cabang Tauhid Uluhiyah ini hanyalah ajaran yang diperkenalkan oleh Ibnu Taimiyah dan kemudiannya dikembangkan oleh tokoh-tokoh Wahabi di kemudian harinya. Penambahan kepada cabang tauhid ini adalah merupakan penambahan atau ajaran baru yang diperkenalkan oleh Ibnu Taimiyah. Begitu juga dengan cabang Tauhid Mulkiyah yang diperkenalkan kepada pengikut DI/NII oleh Aceng

Kurnia serta cabang Tauhid Hakimiyah yang diperkenalkan kepada golongan pengikut DI di Afghanistan sebenarnya sudah termasuk di dalam Tauhid Rubbubiyah. Justeru, ia adalah salah satu manipulasi atau penambahan kepada istilah yang sedia ada sedangkan ia mempunyai maksud yang sama. Menurut Tibi Bassam, seorang pengkaji gerakan Islam, konsep Negara Islam dan Tauhid Hakimiyah ini hanyalah penemuan baru yang dimasukkan ke dalam pemikiran Islam kontemporari. Kedua-duanya dengan jelas menunjukkan ciri-ciri fundamentalis.

Seruan ke arah Din Wa' Ad Daulah (penyatuan agama dan negara) yang menjadi gagasan dan slogan kumpulan-kumpulan fundamentalis di merata dunia sebenarnya adalah ciptaan dari teks dan tradisi di zaman kegemilangan Islam sebelum ini. Gagasan atau seruan ini tidak ada tercatat dalam Al Quran mahupun teks-teks hadis atau sumber-sumber sejarah yang berautoriti. Pengenalan kepada istilah-istilah baru ini sebenarnya adalah untuk menjustifikasikan tindakan-tindakan mereka di dalam memerangi musuh-musuh Islam malah untuk

menjustifikasikan tindakan Takfir mereka terhadap segolongan umat Islam yang lain. Menurut Dr Ali Syu'aibi pula, mendefinisikan akidah Islamiyah berdasarkan kriteria Tauhid Hakimiyah adalah satu kesilapan. Istilah itu adalah ciptaan manusia dan tidak pernah disebut dalam Al Quran mahupun hadis. Artikel ini melihat bahawa tafsiran dan pengenalan istilah-istilah tauhid yang baru ini lebih kepada untuk menghalalkan tindakan pengikut kumpulan radikal dalam konteks Jihad Qital, Irhabiyah, Fai' dan Takfir. Generasi dalam Al Jamaah Al Islamiyah seperti Imam Samudera, Amrozi, Mukhlas, Dr Azahari dan Nordin Md Top serta generasi pengikut Daesh seperti Mohd Rafi Udin, Muhammad Wanndy, Lofti, Akel, Fudhail dan Zanuri Kamarudin adalah contoh-contoh individu yang terhasil dari doktrin Tauhid Hakimiyah ini.

Analisa – Adakah Fahaman Salafi Wahabi Satu Fahaman Yang Ekstrem Dan Merbahaya?

Para ulama Al Azhar dan pakar- pakar dalam kajian gerakan Islam telah menegaskan bahawa fahaman Salafi Wahabi adalah satu ajaran dan

gerakan yang ekstrem dan berbahaya kepada umat Islam serta dunia. Ini adalah disebabkan fahaman Salafi Wahabi menyuburkan pemikiran, sikap dan tindak tanduk yang ganas, bengis, memupuk perasaan benci bukan sahaja terhadap Kafir Harbi tetapi juga sesama umat Islam dan yang paling menakutkan ialah golongan Salafi Wahabi ini tidak ragu-ragu untuk mengkafirkan orang Islam yang bertentangan pendapat dengan mereka. Di dalam satu simposium di Mesir yang bertajuk 'Wahabi: Ancaman Sangat Berbahaya Bagi Umat Islam dan Dunia', tokoh-tokoh yang hadir telah membuat rumusan bahawa sebagai satu bentuk dakwah dan pemikiran, Wahabi berdiri di atas prinsip menolak dan mengkafirkan pihak lain. Ia mengancam keamanan dan keselamatan semua negara disebabkan ajaran kekerasan yang sangat berbahaya kerana menggalakkan anak-anak muda untuk melakukan keganasan ke atas masyarakat awam dan pemerintah di atas alasan-alasan yang remeh temeh.

Fahaman Salafi Wahabi mempunyai pendirian yang sangat negatif terhadap orang Kristian dan Islam sendiri terutamanya golongan Ahlus Sunnah

Wal Jamaah dan golongan Syiah, terhadap wanita dan ilmu, muzik dan segala bentuk seni dan hasil peninggalan ajaran Salafi Wahabi ini adalah pemikiran radikal atau kekerasan, menolak realiti dan membekukan keintelektualan dalam masyarakat (Jumud). Fahaman Wahabi memang sesuai dengan orang yang ego, takbur dan merasakan diri paling sunnah, suci dan paling baik. Sikap begini menjadikan mereka berfahaman radikal dan menganjurkan tindakan teroris. Tidak hairanlah jika fahaman ini mempunyai keserasian dengan golongan pengganas seperti Taliban, Boko Haram, Al- Qaeda, Daesh @ ISIS, KAS dan lain-lain.

Menurut Vincenzo, seorang pengkaji gerakan Islam, terdapat enam aliran bagi merumuskan tentang fahaman Salafi Wahabi ini. Aliran-aliran tersebut adalah fahaman ini berkonsepkan literal, anti filosopi dan anti kepada perbahasan, anti kebudayaan, anti Nomian (menolak untuk menerima kebenaran tradisional), dalaman yang tidak stabil (kerana tiada sistem periksa dan imbang) dan akhir sekali fahaman ini adalah bersifat agresif dan represif. Sesungguhnya

fahaman ini boleh disimpulkan sangat berbeza dengan ajaran mainstream Islam dari konsep budaya, mentaliti dan beragama. Vincenzo juga berpendapat bahawa fahaman ini adalah sangat berbahaya yang mana jika ia dicetuskan oleh orang-orang yang tidak berautoriti akan menggalakkan kepada keganasan dan pembunuhan ke atas orang awam yang tidak berdosa.

Abu Abddirrahman Al Thalibi @ A.M. Waskito yang telah menulis buku bertajuk "Bersikap Adil Kepada Wahabi" iaitu sebuah pembelaan terhadap pengikut Wahabi turut mengakui bahawa golongan Wahabi ini terlalu sensitif terhadap perbezaan di kalangan umat Islam lalu mencetuskan permusuhan malah sesama mereka sendiri. Golongan Wahabi juga terlalu rigid terhadap golongan wanita sehingga kaum wanita dianggap sebagai pembawa masalah. Mereka juga terlalu fokus tentang hal-hal tauhid tetapi kurang memikirkan bagaimana untuk menyelamatkan tauhid umat Islam secara komprehensif. Golongan Wahabi juga meremehkan dan mengabaikan ilmu-ilmu umum seperti teknologi, pengurusan,

komunikasi, budaya serta sosiologi kerana berpendapat bahawa ilmu itu bukan ilmu syari'at. Golongan Wahabi juga sebenarnya hipokrit terutamanya dalam aspek Fiqah yang melibatkan fotografi. Mereka juga memperlihatkan penampilan secara eksklusif dalam pergaulan seharian seperti cara berpakaian dan lanjutan dari sikap eksklusif ini menyebabkan mereka tidak mahu belajar, bergaul atau mengakui keilmuan orang-orang yang bukan dari golongan Wahabi. Ini jelas menunjukkan sikap golongan Wahabi yang keras terhadap orang Islam sendiri berbanding dengan orang bukan Islam.

Penutup

Perbincangan tentang ideologi dan matlamat perjuangan Daesh @ ISIS adalah merupakan satu perbincangan yang kompleks dan garis pemisah di antara isu-isu tauhid, jihad, radikalisme, fundamentalisme dan Irhabiyah terlalu sukar untuk dikenalpasti. Artikel ini telah membincangkan dengan terperinci bagaimana ideologi Salafi Wahabi mendapat tempat dalam kalangan pengikut kumpulan radikal seperti Al Jamaah Al Islamiyah

dan Daesh @ ISIS. Perbincangan juga telah mengenal pasti persamaan antara istilah Wahabi dan Salafi yang telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat umum. Di dalam ajaran Salafi Wahabi sendiri juga telah muncul beberapa lagi aliran yang lebih ekstrem seperti Salafi Yamani, Salafi Takfiri dan Salafi Jihadi di samping terdapat juga aliran yang lebih moderat seperti Salafi Haraki. Walau apapun aliran atau pecahan dalam fahaman Salafi Wahabi ini, umumnya kesemua aliran tersebut jelas berbeza dengan aliran dan fahaman arus perdana Islam yang sebenar.

Pemahaman tentang doktrin Salafi Wahabi telah dapat menjelaskan bagaimana radikalisme, jihad dan Irhabiyah (keganasan) berkembang dalam suasana dunia Islam kontemporari. Dengan berselindung di sebalik seruan ke arah kembali kepada Manhaj Salaf segelintir umat Islam memberi definisi dan interpretasi serta Ijtihad yang berbeza dengan golongan dalam aliran arus perdana Islam. Sebagai kesimpulannya, doktrin agama yang bermula daripada doktrin keimanan melalui pemahaman tauhid inilah yang

menterjemahkan segala bentuk matlamat, aksi, tindakan, aktiviti, gagasan, doktrin perjuangan serta matlamat akhir gerakan radikal seperti Daesh @ ISIS. Kefahaman terhadap doktrin tauhid dan aliran Salafi Wahabi yang berbeza inilah yang telah menjelaskan bagaimana kedudukan dan tindakan beberapa kumpulan radikal dalam senario gerakan Islam kontemporari serta pelbagai implikasinya terhadap masyarakat Islam mahupun bukan Islam global dan di Asia Tenggara. Fahaman atau pemikiran Salafi Wahabi ini sememangnya merupakan satu fahaman yang agresif, provokatif, jumud, rigid, represif, literalis dan reproduktif. Justeru, tidak sukar bagi memahami bagaimana segelintir umat Islam terjebak di dalam strategi dan ideologi yang mereka cipta sendiri melalui fahaman Salafi Wahabí.

ii. Terrorism Observer[5]

[5] https://terrorismobserver.com/tag/wahabi/

﴿المكتبة التخصصية للرد على السلفية الوهابية﴾

Terrorism Observer

About Us News Publications Contact Us

Tag Archives: wahabi

Malaysia adalah merupakan sebuah negara Islam contoh, aman damai dan umat Islam hidup dengan harmoni berdasarkan fahaman dan amalan Ahli Sunnah wal Jemaah (ASWJ). Kesejahteraan dan keharmonian ini wajar dipertahankan dan sebarang elemen dari mana-mana aliran pemikiran yang menjurus ke arah konflik, perseteruan dan permusuhan perlu dibenteras agar keharmonian dalam masyarakat dan beragama dapat dipertahankan. Namun begitu, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat elemen-elemen dari aliran pemikiran yang ekstrem mula menggugat perpaduan dan keharmonian umat Islam di Malaysia.

Dewasa ini aliran serta fahaman Wahabi yang berselindung disebalik istilah Salafi telah menular dengan hebat di negara ini. Analisa keganasan terkini telah menjelaskan bahawa pendokong-pendokong aliran salafi wahabi di Malaysia kini semakin lantang dan berani untuk menyebarkan fahaman golongan tersebut, malah ia dilakukan dengan secara terbuka.

Kerajaan yang lepas dan kerajaan Pakatan Harapan sekarang telah menegaskan bahawa fahaman salafi wahabi yang dikaitkan dengan pengasasnya iaitu Muhammad bin Abdul Wahab ini tidak sesuai diamalkan di negara ini walaupun ia tidak dikaitkan sebagai ajaran sesat. Pendirian kerajaan ini selaras dengan hasil perbincangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 1985, 1986, 1996, 1997 dan 1998 yang menyatakan bahawa aliran salafi wahabi ini tidak sesuai diamalkan di negara ini kerana dikhuatiri boleh membawa kepada perpecahan umat Islam serta menjejaskan keharmonian dalam konteks negara Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk. Setakat ini penularan fahaman salafi wahabi adalah terkawal namun mutakhir ini pendokong-pendokong aliran wahabi ini semakin lantang dengan keterbukaan bersuara yang diamalkan oleh kerajaan pada hari ini.

Sejarah Fahaman atau Aliran Salafi Wahabi

Isu salafi dan wahabi sememangnya banyak menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat awam sehingga menimbulkan banyak polemik dan perbahasan yang tidak berkesudahan. Pemahaman terhadap isu wahabi dan salafi ini akan memudahkan

kefahaman terhadap kontroversi jihad dan radikalisme yang dapat dilihat pada kumpulan-kumpulan pengganas kontemporari. Untuk memudahkan pemahaman terhadap matlamat perjuangan gerakan-gerakan radikal seperti Al Jama'ah Al Islamiyah, Boko Haram, Kumpulan Abu Sayyaf (KAS), Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Hizbur Tahrir (HT), Darul Islam (DI), Al-Arqam, Daesh @ ISIS dan beberapa kumpulan radikal yang lain, perbincangan tentang aliran dan fahaman salafi wahabi adalah perlu dijelaskan bagi memahami ideologi dan manhaj perjuangan mereka.

Kebanyakan orang awam memahami atau merujuk serta mengaitkan gerakan-gerakan ini dengan fahaman Salafi atau Salafiyah. Walaupun salafi dan wahabi merupakan dua istilah yang berbeza tetapi sebenarnya kedua-dua istilah ini adalah merupakan fahaman atau ajaran yang sama. Penjelasan ini perlu dilakukan bagi menerangkan bagaimana pengikut gerakan radikal ini sebenarnya berselindung di sebalik akidah mereka dengan menyandarkan (menisbatkan) diri mereka dengan golongan Salafus Soleh. Sememangnya bagi masyarakat awam yang tidak memahami sejarah fahaman wahabi akan terkeliru dengan naratif yang dianjurkan oleh kumpulan-kumpulan sebegini sedangkan sebenarnya aliran dan fahaman wahabi inilah yang telah menjurus umat Islam kepada fahaman beragama yang sempit, memecah-belahkan masyarakat dan menyuburkan radikalisme atas nama agama yang akhirnya mencemarkan imej agama dan imej umat Islam itu sendiri. Aliran atau fahaman ini sebenarnya dikenal sebagai Wahabiyah

Hanbaliyah di Tanah Arab tetapi apabila fahaman ini dieksport ke luar dari Tanah Arab ia dijenamakan semula dengan nama yang lebih lunak iaitu 'Salafi.

Fahaman Wahabi dianggap sebagai penerus fahaman Ibn Taimiyyah bahkan dalam banyak hal fahaman ini lebih radikal lagi daripada Ibn Taimiyyah. Ibn Wahab sangat fanatik kepada Ibnu Taimiyah dan Ibnu Qayyim al-Jauziyyah malah dalam sesetengah keadaan Ibnu Wahab bersikap lebih keras dari kedua-dua tokoh ini. Aliran wahabi ini sangat dominan di Arab Saudi, Kuwait, Qatar, Somalia, Algeria, Palestin dan Mauritania. Muhamad bin Abd Wahab sangat terpengaruh dengan fahaman dan aliran pemikiran Ibnu Taimiyah. Ibnu Taimiyah memang terkenal dengan fatwa-fatwa yang kontroversi sehingga ada pengikut mazhab Hanbali yang tidak bersetuju dengan beliau.

Perspektif Ancaman Aliran Salafi Wahabi di Malaysia

Aliran Wahabi diasaskan oleh Muhammad bin Abdul Wahab pada abad ke-18 di Semenanjung Arab. Fahaman ini bermula dengan seruan kepada umat Islam agar kembali kepada ajaran Islam (memurnikan tauhid) sebenar berdasarkan al-Quran dan Sunnah. Dalam konteks Malaysia, aliran salafi wahabi juga cenderung melabel sesuatu ibadat dan amalan tradisi umat Islam sebagai bida'ah yang sesat lagi menyesatkan. Pandangan sebegini adalah sesuatu yang ekstrem serta mengundang permusuhan dengan golongan umat Islam lain. Golongan ini bergerak di

negara kita dengan menjadikan anak-anak muda sasaran mereka untuk memecah-belahkan umat Islam.

Propaganda pemikiran salafi wahabi yang menyatakan bahawa sesuatu amalan dan budaya yang tiada di zaman Rasulullah S.A.W sebagai bida'ah telah menyumbang kepada kekeliruan masyarakat sehingga berlakunya perselisihan pendapat dan menyebabkan ketegangan ukhwah di kalangan umat Islam. Golongan salafi wahabi sukar menerima amalan dan budaya tradisi Islam di Malaysiayang bertunjangkan fikah Imam as-Syafie. Dewasa ini sudah ada segelintir golongan terutamanya anak-anak muda yang mula mempertikaikan amalan-amalan yang dianggap bida'ah yang menjadi amalan beragama di Malaysia.

Sudah menjadi kelaziman pentaksub salafi wahabi yang akan memperbesarkan perkara-perkara khilafiah (iaitu perkara-perkara furu' dalam agama) yang telah menjadi amalan dan budaya tradisi umat Islam Malaysia sejak sekian lama. Golongan pendokong salafi wahabi cuba menyebar pandangan mereka dan cuba 'memaksa' orang lain menerima pandangan mereka sahaja yang benar. Sikap dan tingkah laku pendokong aliran salafi wahabi yang ekstrem ini menyebabkan umat Islam mainstream yang lain mempertahankan aliran Ahli Sunnah wal Jamaah (ASWJ), samada mereka menjelaskan pengertian bida'ah yang sebenar berdasarkan Al-Quran dan Sunnah atau melakukan serangan balas ke atas golongan salafi wahabi ini.

Justeru, berlaku pertembungan dua aliran yang berbeza, yang akhirnya merugikan umat Islam

sehingga membawa mereka ke kancah permusuhan. Perpaduan, kedamaian dan keharmonian sesama umat Islam Malaysia kini mula terjejas dan sekiranya sekiranya pemikiran ekstrem salafi wahabi ini tidak disekat dan dibanteras ia akan menjurus kepada elemen-elemen radikalisme dan terorisme sepertimana yang berlaku di beberapa negara di Timur Tengah.

Persoalan yang sering menjadi perdebatan ialah bagaimana fahaman salafi wahabi berpotensi mendorong pengikutnya berfikiran radikal dan seterusnya menjurus mereka ke arah terorisme. Metodologi mudah yang boleh digunakan ialah 'sikap keras dan tidak bertolak ansur fahaman salafi wahabi berhubung beberapa perkara dalam urusan agama, sebagai hujah untuk mendakwa fahaman itu berpotensi membentuk pemikiran ekstrem, radikal dan seterusnya terorisme.

Sikap keras, tidak bertolak ansur serta tidak meraikan perbezaan mazhab dalam Islam itu menyebabkan golongan salafi wahabi ini menghukumkan beberapa amalan majoriti umat Islam di seluruh dunia, khususnya di Malaysia, sebagai bida'ah, sesat dan syirik yang menjadikan seseorang itu menjadi murtad. Malah bagi pendokong salafi wahabi, pelaku bida'ah bukan sahaja sesat tetapi darah mereka halal untuk dibunuh. Sebagai contoh, mereka menjatuhkan hukum terhadap amalan menyambut Maulud Nabi, sambutan Israk Mi'raj, wirid dan doa secara berjamaah, membaca doa Qunut, menziarah kubur dan bacaan yassin dan tahlil adalah bida'ah. Bagi golongan salafi wahabi, setiap perkara bida'ah adalah

sesuatu yang sesat dan setiap yang sesat tempatnya adalah di neraka.

Begitu juga dengan amalan kenduri arwah dan tahlil yang telah menjadi praktis di Malaysia sejak sekian lama. Amalan ini juga dipandang bida'ah oleh golongan salafi wahabi. Malah, mereka juga memutuskan, amalan bertawassul dengan orang yang telah mati, adalah perbuatan syirik yang menjadikan seseorang itu murtad. Masalah timbul apabila kesemua contoh pengamalan tadi (kecuali kenduri arwah) telah difatwakan harus oleh majoriti ulama sejak dahulu hingga sekarang. Ekoran itu, ia diamalkan oleh majoriti umat Islam, khususnya di Malaysia sejak zaman berzaman.

Satu lagi isu besar berkaitan salafi wahabi ialah penolakan mereka terhadap mazhab majoriti umat Islam, termasuk Malaysia dalam bidang akidah, iaitu mazhab Asya'irah dan Matru'diah. Segelintir agamawan salafi wahabi menghukumkan mazhab Asya'irah dan Matru'diah ini sebagai sesat. Justeru, rumusan yang boleh dibuat adalah 'fahaman dan aliran salafi wahabi berpotensi membentuk pemikiran ekstrem, radikal dan seterusnya terorisme di kalangan pengikutnya' kerana mereka tidak ragu-ragu mengkafirkan pengikut aliran Asya'riah dan Matru'diah yang majoritinya adalah umat Islam di Malaysia.

Pada masa itu mereka dan kumpulan mereka merasakan bahawa mereka adalah sebagai wakil dan jalan bagi Tuhan untuk melaksanakan perintah-Nya di muka bumi ini. Segala tindakan mereka tidak mengira kesan negatif bahkan mereka meyakini akan diberi

ganjaran di akhirat dan jika mereka mati, syurga dan bidadari akan menunggu mereka. Konsep menjadikan orang lain sebagai mangsa sudah tidak wujud lagi dan hanya keuntungan yang mereka kira pasti. Fenomena ini yang sedang berlaku dalam konflik di Timur Tengah dewasa ini.

Analisa - Adakah Fahaman Salafi Wahabi Satu Fahaman Yang Ekstrem Dan Merbahaya?

Para ulama Al-Azhar dan pakar-pakar dalam kajian gerakan Islam telah menegaskan bahawa fahaman salafi wahabi adalah satu ajaran dan gerakan yang ekstrem dan berbahaya kepada umat Islam serta dunia. Ini adalah disebabkan fahaman salafi wahabi menyuburkan pemikiran, sikap dan tindak tanduk yang ganas, bengis, memupuk perasaan benci bukan sahaja terhadap Kafir Harbi tetapi juga sesama umat Islam dan yang paling menakutkan ialah golongan salafi wahabi ini tidak ragu-ragu untuk mengkafirkan orang Islam yang bertentangan pendapat dengan mereka.

Di dalam satu simposium di Mesir yang bertajuk "Wahabi: Ancaman Sangat Berbahaya Bagi Umat Islam dan Dunia", tokoh-tokoh yang hadir telah membuat rumusan bahawa sebagai satu bentuk dakwah dan pemikiran, salafi wahabi berdiri di atas prinsip menolak dan mengkafirkan pihak lain. la mengancam keamanan dan keselamatan semua negara disebabkan ajaran kekerasan yang sangat berbahaya kerana menggalakkan anak-anak muda untuk melakukan keganasan ke atas masyarakat awam dan pemerintah di atas alasan-alasan yang remeh temeh.

Fahaman salafi wahabi mempunyai pendirian yang sangat negatif terhadap orang Kristian dan Islam sendiri terutamanya golongan Ahlus Sunnah Wal Jamaah dan golongan Syiah, terhadap wanita dan ilmu, muzik dan segala bentuk seni dan hasil peninggalan ajaran salafi wahabi ini adalah pemikiran radikal atau kekerasan, menolak realiti dan membekukan keintelektualan dalam masyarakat (Jumud). Fahaman salafi wahabi memang sesuai dengan orang yang ego, takbur dan merasakan diri paling sunnah, suci dan paling baik.

Sikap begini menjadikan mereka berfahaman radikal dan menganjurkan tindakan teroris. Tidak hairanlah jika fahaman ini mempunyai keserasian dengan golongan pengganas seperti Taliban, Boko Haram, Al-Qaeda, Daesh @ ISIS, KAS dan lain-lain.

Terdapat enam aliran bagi merumuskan tentang fahaman Salafi Wahabi ini. Aliran-aliran tersebut adalah seperti berikut:

- fahaman ini berkonsepkan literal
- anti filosopi
- anti kepada perbahasan
- anti kebudayaan
- anti Nomian (menolak untuk menerima kebenaran tradisional)
- dalaman yang tidak stabil (kerana tiada sistem periksa dan imbang)
- fahaman ini adalah bersifat agresif dan represif

Sesungguhnya fahaman ini boleh disimpulkan sangat berbeza dengan ajaran mainstream Islam dari

konsep budaya, mentaliti dan beragama. Fahaman ini adalah sangat berbahaya yang mana jika ia dicetuskan oleh orang-orang yang tidak berautoriti akan menggalakkan kepada keganasan dan pembunuhan ke atas orang awam yang tidak berdosa. Golongan Wahabi ini terlalu sensitif terhadap perbezaan di kalangan umat Islam lalu mencetuskan permusuhan malah sesama mereka sendiri. Golongan Wahabi juga terlalu rigid terhadap golongan wanita sehingga kaum wanita dianggap sebagai pembawa masalah. Mereka juga terlalu fokus tentang hal-hal tauhid tetapi kurang memikirkan bagaimana untuk menyelamatkan tauhid umat Islam secara komprehensif.

Golongan salafi wahabi juga meremehkan dan mengabaikan ilmu-ilmu umum seperti teknologi, pengurusan, komunikasi, budaya serta sosiologi kerana berpendapat bahawa ilmu itu bukan ilmu syariat. Golongan salafi wahabi juga sebenarnya hipokrit terutamanya dalam aspek fiqah yang melibatkan fotografi. Mereka juga memperlihatkan penampilan secara eksklusif dalam pergaulan seharian seperti cara berpakaian dan lanjutan dari sikap eksklusif ini menyebabkan mereka tidak mahu belajar, bergaul atau mengakui keilmuan orang-orang yang bukan dari golongan salafi wahabi. Ini jelas menunjukkan sikap golongan salafi wahabi yang keras terhadap orang Islam sendiri berbanding dengan orang bukan Islam.

Bagaimana Fahaman Wahabi Menjadi Ancaman Dalam Masyarakat ?